

**PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PEMULIHARAAN &  
PEMELIHARAAN MASJID WARISAN : KAJIAN DI MASJID  
PANGKALAN KAKAP, MERBOK, KEDAH**

**NUR AZMINA AIMAN BINTI AHMAD**

**C18A0274**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PEMULIHARAAN &  
PEMELIHARAAN MASJID WARISAN : KAJIAN DI MASJID PANGKALAN  
KAKAP, MERBOK, KEDAH**

Oleh

**NUR AZMINA AIMAN BINTI AHMAD**

Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana  
Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN UNIVERSITI  
MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

<input type="checkbox"/>	<b>TERBUKA</b>	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
<input checked="" type="checkbox"/>	<b>SEKATAN</b>	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
<input type="checkbox"/>	<b>SULIT</b>	Dari tarikh _____ hingga _____ (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi" 1972)
<input checked="" type="checkbox"/>	<b>TERHAD</b>	(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Penyelia Utama

Tandatangan



Nur Azmina Aiman binti Ahmad  
Nombor Kad Pengenalan:  
981206095094  
Tarikh : 24/2/2022

  
DAENG HALIZA DAENG JAMAL, PhD.  
Pensyarah  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan

Nama Penyelia Utama: Dr  
Daeng Haliza binti Daeng Jamal  
Tarikh: 27022022

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum W.B.T, terlebih dahulu ingin saya panjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T atas izin dan limpah kurniaNya dapat saya selesaikan projek penyelidikan saya ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pertama sekali, ingin saya tujukan penghargaan ini dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Daeng Haliza binti Daeng Jamal, pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan atas bimbingan dan segala tunjuk ajar beliau sepanjang saya melengkapkan projek penyelidikan ini. Tanpa bimbingan daripada beliau, saya tidak akan mampu untuk menyelesaikan projek ini dengan jayanya.

Dalam kesempatan ini saya juga ingin berterima kasih kepada keluarga saya yang banyak memberi sokongan dan dorongan daripada segi sokongan serta kewangan kepada saya sepanjang saya melaksanakan projek penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak berkongsi ilmu dan pengetahuan serta memberikan dukungan serta semangat kepada saya. Akhir sekali, penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat sepanjang saya melaksanakan projek penyelidikan saya samada secara langsung ataupun tidak langsung.

## **ISI KANDUNGAN**

## MUKA SURAT

<b>PERAKUAN TESIS</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iii - viii
<b>ABSTRAK</b>	ix - x

## **BAB I PENDAHULUAN**

1.8	Organisasi Penulisan	10-11
-----	----------------------	-------

## BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	12
2.2	Teori Arnstein's (a Ladder Of Citizen Participation)	12-15
2.3	Sorotan Kajian Lepas	16
2.3.1	Penglibatan Komuniti	16-21
2.3.2	Pemuliharaan dan Pemeliharaan	21-26
2.3.3	Masjid Warisan	26-29
2.4	Kerangka Teoritikal	30-34
2.5	Kesimpulan	34

## BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	35-36
3.2	Proses Pengumpulan Data	36
3.2.1	Data Primer	36-37
3.2.2	Data Sekunder	37
3.2.3	Kualitatif	38-39
3.2.4	Kuantitatif	39-44
3.3	Kaedah Analisis Data	44-45
3.3.1	Kualitatif	45
3.3.2	Kuantitatif	45-47
3.4	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	47
3.4.1	Kesahan Soal Selidik (Kuantitatif)	48
3.4.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik (Kuantitatif)	48-49

3.4.3	Kesahan Temu Bual (Kualitatif)	49-50
3.4.4	Kebolehpercayaan Temu Bual (Kualitatif)	50
3.5	Kesimpulan	51
<b>BAB IV DAPATAN KAJIAN</b>		
4.1	Pengenalan	52-53
4.2	Analisis Dapatan Temu Bual Responden	53-57
4.3	Analisis Sejarah Pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.	57
4.3.1	Sejarah Pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.	57-60
4.4	Analisis Usaha-Usaha Pemeliharaan dan Pemuliharaan Masjid Ini	60
4.4.1	Penglibatan JWN dalam Pemeliharaan dan Pemuliharaan Masjid Ini	60-62
4.4.2	Aktiviti Pengurusan Warisan yang Dilakukan Oleh JWN	62-63
4.4.3	Pendekatan Pemuliharaan dan Pemeliharaan Yang dilakukan Terhadap Bangunan Warisan	63-65
4.4.4	Pengalaman dalam Memelihara dan Memulihara Masjid Ini	65-66
4.5	Analisis Penglibatan Komuniti dalam Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah	66-67
4.5.1	Masyarakat Setempat Terlibat dalam	67-68

	Pemeliharaan dan Pemuliharaan Masjid	
	Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah	
4.5.2	Pembukaan Semula Masjid Sebagai Salah Satu Tempat Tarikan Pelancong	68-70
4.6	Demografi Responden	70-72
4.6.1	Pengetahuan Mengenai Sejarah Pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah	72-75
4.6.2	Usaha-Usaha Pemuliharaan dan Pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah	75-78
4.6.3	Tahap Penglibatan Komuniti dalam Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah	79-82
4.7	Analisis Tahap Penglibatan Komuniti dalam Pemuliharaan dan Pemeliharaan Menerusi Kerangka Model Arnstein (1969)	82-84
4.7.1	Manipusi (Manipulation)	84
4.7.2	Terapi (Therapy)	84-85
4.7.3	Maklumat (Informing)	85
4.7.4	Rundingan (Consultation)	85
4.7.5	Pendamaian (Placation)	85-86
4.7.6	Kerjasama (Partnership)	86
4.7.7	Kuasa yang Diagihkan (Delegated Power)	86
4.7.8	Pengendalian Masyarakat (Citizen Control)	86-87
	Analisis Kerangka Model A Ladder of Citizen Participation (Arnstein 1969)	87-89

4.8	Kesimpulan	90-91
<b>BAB V RUMUSAN DAN PENUTUP</b>		
5.1	Rumusan Kajian	92-94
5.2	Penutup	94-96
<b>RUJUKAN</b>		97-101
<b>LAMPIRAN</b>		102-127

### SENARAI JADUAL

Jadual 3.2 :	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970)	43
Jadual 4.1 :	Kod responden dan pandangannya	54
Jadual 4.2:	Profil responden berdasarkan jantina, bangsa, kelulusan dan pengalaman	54-55
Jadual 4.3:	Senarai tema dan sub tema temu bual	55-56
Jadual 4.4 :	Ringkasan kekerapan hasil analisis temu bual	56-57
Jadual 4.5 :	Demografi Responden	71-72
Jadual 4.6 :	Pengetahuan Mengenai Sejarah Pembinaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok Kedah.	74-75
Jadual 4.7:	Usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok Kedah	78
Jadual 4.8:	Tahap penglibatan komuniti dalam	81-82

pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid

Pangkalan Kakap Merbok, Kedah

### **SENARAI RAJAH**

Rajah 2.1:	Pecahan tangga dalam tiga peringkat penglibatan menurut <i>Model A Ladder of Citizen Participation</i> (Arntsein's 1969)	14
Rajah 2.2:	Kerangka Konsep kajian berdasarkan Model <i>A Ladder Of Citizen Participation</i> (Armstein's 1969)	33-34
Rajah 4.1:	Kerangka Teoritikal Model A Ladder of Citizen Participation (Arntsein's 1969)	89

### **SENARAI GAMBAR**

Gambar 1.1:	Lokasi Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah	5-6
Gambar 1.2:	Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah	6
Gambar 3.2:	Bilangan Rumah Kampung Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah	42

**PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PEMULIHARAAN &  
PEMELIHARAAN MASJID WARISAN : KAJIAN DI MASJID PANGKALAN  
KAKAP, MERBOK, KEDAH**

**ABSTRAK**

Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah merupakan salah satu masjid warisan pada kurun ke 18 dahulu. Masjid ini mempunyai banyak sejarah tertentu semasa zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid iaitu Sultan Kedah ketika itu. Sehingga kini masjid ini masih utuh dan dalam keadaan pemuliharaan dan pemeliharaan oleh pihak Jabatan Warisan Negara. Kajian ini dijalankan terhadap masjid ini adalah untuk menilai tahap penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah dengan menggunakan *Model Arnsteins A Ladder Of Citizen Participation* (1969). Kajian ini menggunakan metodologi kaedah gabungan iaitu kualitatif dan kuantitatif dalam mendapatkan data bagi menyelesaikan permasalahan kajian dan mencapai objektif kajian. Hasil daripada keseluruhan kajian mendapati bahawa penglibatan komuniti berada di tahap yang sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana masih ada lagi komuniti yang menjelaki ke Masjid tersebut untuk bergotong-royong dan melawat masjid tersebut.

FYPP FTKW

**COMMUNITY INVOLVEMENT IN THE CONSERVATION &**  
**MAINTENANCE OF HERITAGE MOSQUE: A STUDY AT PANGKALAN**  
**KAKAP MOSQUE, MERBOK, KEDAH.**

**ABSTRACT**

Pangkalan Kakap Merbok Mosque, Kedah is one of the heritage mosques in the 18th century. This mosque has a lot of specific history during the reign of Sultan Abdul Hamid, the Sultan of Kedah at that time. Until now, this mosque is still intact and in a state of conservation and preservation by the National Heritage Department. This study was conducted on this mosque to assess the level of community involvement in the conservation and preservation of Pangkalan Kakap Mosque, Merbok, Kedah by using the Arnsteins Model A Ladder Of Citizen Participation (1969). This study uses a combined methodology of qualitative and quantitative methods in obtaining data to solve research problems and achieve research objectives. The results of the entire study found that community involvement was at a moderate level. This is said so because there are still more communities who follow to the mosque to have gotong-royong and visit the mosque.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai perkembangan warisan terhadap seni bina. Malah warisan seni bina sejak berkurun lagi sudah mempunyai unsur-unsur pengaruh budaya pada sesuatu zaman. Seni bina yang bermaksud suatu reka bentuk yang dirancang dalam suatu bangunan atau struktur. Menurut Syed Ahmad Jamal (2000) menjelaskan bahawa konsep seni Melayu berasal dari titik hasil sesuatu ciptaan yang direka. Melalui titik ini penemuan keupayaan seni yang direka dan dihasilkan boleh menimbulkan persoalan mengapa seni binanya berbentuk demikian. Setiap bangunan dan monumen yang dibina pada zaman dahulu sudah pasti mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri serta berpengaruh pada zaman tersebut seperti seni bina masjid, rumah tradisional, istana dan sebagainya.

Menurut Syaifuddin Mustaming (2001) masjid ini bermaksud tempat sujud atau tempat beribadat seperti solat dan iktikaf bagi beragama Islam. Masjid ini merupakan satu bangunan dari zaman Rasulullah s.a.w lagi. Bangunan ini sebagai tempat orang Islam solat dan berhubung dengan Allah s.w.t. untuk meningkatkan kualiti iman dan ketakwaan. Fungsi masjid ini untuk kegiatan agama Islam sahaja seperti tempat berceramah, menyebarkan dakwah dan sebagainya. Fungsi masjid tidak boleh dijadikan tempat berkempen dalam hal politik atau segala perbincangan parti politik yang memudaratkan silaturrahim antara ummah.

Menurut Basri, Fairuzah (2002) seni bina masjid ialah keunikan seni bina masjid Malaysia masa lalu dan sekarang memfokuskan pada ciri khas seni bina masjid iaitu menara, kubah, bumbung, mimbar dan mihrab. Selain itu, pembinaan masjid memperlihatkan keindahan dan keunikan yang terdapat pada hiasan masjid, iaitu kaligrafi melambangkan inti budaya dan seni bina negara Islam. Dalam pada itu juga, pembinaan masjid tradisional bukanlah hanya tertumpu pada seni bina sahaja, namun usia dan latar belakang sejarah juga diambil kira sebagai masjid warisan.

Saifuddin (2010) di Kedah terdapat satu masjid yang dikenali sebagai Masjid Pangkalan Kakap , Merbok, Kedah. Masjid ini dibina pada sekitar tahun 1800. Tapak masjid ini dibina berdekatan dengan kaki Gunung Jerai. Pembinaan masjid ini dipercayai dibina semasa Islam mula berkembang. Masjid ini menjadi tempat persinggahan Sultan Abdul Halim sewaktu baginda melawat daerah Kuala Muda. Masjid ini ditutup atas faktor pemeliharaan dan pemuliharaan berlangsung. Dalam kajian ini akan menjelaskan dengan lebih terperinci tentang pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ini.

Sesuatu bangunan bersejarah atau tapak bersejarah yang ditinggalkan adalah dengan menjaga warisan yang ditinggalkan dengan memelihara dan memulihiara khazanah warisan bagi menjaga nilai sejagat warisan. Dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) menjelaskan bahawa tanggungjawab dan peranannya dalam bidang pemuliharaan dan pemeliharaan warisan sepenuhnya. Ia bermaksud pelbagai warisan tertakluk dalam akta ini seperti warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara, warisan semula jadi dan warisan budaya di bawah air. Kesemua

warisan ini perlu diberi perlindungan mengikut peruntukan yang telah ditetapkan dan termaktub dalam Akta 645.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Monumen atau bangunan bersejarah sangat penting dalam aspek pendidikan dan sektor pelancongan. Hal ini kerana, ia merupakan identiti sesebuah tempat dan masyarakat tempatan. Kajian ini berkaitan masjid warisan Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah yang dikenali sebagai masjid tertua di kawasan tersebut (Marfizul Azuan bin Marsuki 2015). Beberapa lapisan masyarakat di Malaysia masih kurang mengetahui tentang latar belakang sejarah masjid warisan. Hal ini demikian kerana kemungkinan komuniti kurang mendapat pendedahan yang sepatutnya tentang asal-usul dan sejarah pembinaan masjid ini.

Generasi muda kurang peka dalam bab pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara. Perkara ini dapat diselesaikan dengan memberikan penjelasan tentang usaha pemuliharaan dan pemeliharaan masjid warisan ini. Menurut Megat Ariff Shah, Ezrin Arbi & Nila Inangda (2014) yang menjelaskan komuniti kurang peka dalam mengendali dan mengurus sesebuah warisan yang ditinggalkan.

Dalam pada itu, tahap penglibatan komuniti tidak terlibat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan ini. Komuniti tidak tahu dan tidak mengendahkan hal ini menyebabkan mereka melepaskan tangan pada pihak tertentu seperti kerajaan dan NGO. Walhal dengan penglibatan komuniti inilah yang

membantu mengenalkan lagi warisan tersebut agar terus dipelihara dan dipulihara untuk tatapan generasi akan datang. Walaubagaimanapun, terdapat kajian dan penyelidikan banyak dilakukan ke atas masjid ini dalam mengurus dan memulihara bangunan warisan yang ditinggalkan. Perkara ini dapat membuktikan sedikit sebanyak kesan pengabaian pengurusan dan penyelenggaraan sesuatu bangunan warisan.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Terdapat beberapa soalan yang dikenalpasti dalam kajian ini. Antaranya :

- i. Apakah latar belakang sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.
- ii. Sejauhmanakah usaha yang dilakukan untuk memulihara dan memelihara Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah agar terus dijaga, berfungsi dan dapat dijadikan sebagai tarikan pelancongan yang terkenal.
- iii. Sejauhmanakah penglibatan komuniti terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan di Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.


### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Masjid warisan Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah boleh mendatangkan banyak kebaikan dari segi aspek ekonomi, politik dan juga sosial sesebuah negara. Asal usul masjid ini merupakan lambang atau identiti masyarakat setempat di kawasan tersebut. Oleh itu, kajian yang akan dilakukan adalah untuk :

- i. Meneroka sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.
- ii. Menghurai usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.
- iii. Menganalisis penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.

## 1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan di kawasan Merbok, Kedah. Kajian ini lebih memfokuskan di kawasan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah serta meninjau penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.



Gambar 1.1 : Lokasi Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.

Sumber : Google Maps



Gambar 1.2 : Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah

Sumber : Laman Web Buku Teks Dewan Bahasa Pustaka (BDP 2011)

## 1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Definisi operasional adalah untuk menjelaskan dengan lebih terperinci keseluruhan kajian. Kajian ini menggunakan konsep pengumpulan data tanpa berlakunya penyimpangan penyelewengan kajian. Konsep dan istilah yang akan dihuraikan ialah penglibatan komuniti, pemuliharaan dan pemeliharaan serta masjid warisan.

### **1.6.1 Penglibatan Komuniti**

Menurut Wagner (2009) penglibatan komuniti boleh membentuk modal sosial. Ianya penting dengan hasil kerjasama antara individu yang merupakan kepercayaan dan norma dalam bentuk mendapatkan sokongan masyarakat. Haris Abd. Wahab (2010) menjelaskan bahawa penglibatan komuniti dalam sesuatu aktiviti boleh berlaku dalam bentuk sumbangan tenaga, barang dan wang ringgit. Penglibatan dalam bentuk sumbangan ini boleh berlaku pada peringkat perancangan, pelaksanaan dan penilaian sesuatu program.

### **1.6.2 Pemuliharaan dan Pemeliharaan**

Menurut Mohd Yusoff (2013) banyak warisan ketara mahupun tidak ketara terjejas kerana pembangunan yang tidak terkawal. Pemuliharaan dan pemeliharaan merupakan aktiviti yang mengekalkan keadaan asal dan memperbaiki kerosakan kepada asal supaya dapat dinikmati generasi yang akan datang.

Menurut Abdul Aziz Hussin (2011) pemeliharaan dan pemuliharaan merupakan aktiviti penjagaan dan mengekalkan objek tersebut tanpa berlakunya perubahan asal. Dalam pada itu, setiap pemeliharaan dan pemuliharaan monumen atau bangunan yang ditinggalkan dapat dijadikan tempat pelancongan atau tempat khazanah yang bernilai yang boleh menjana

pendapatan ekonomi negara. Secara tidak langsung, kawasan tersebut dapat dinaik taraf sebagai tempat yang terkenal

### **1.6.3 Masjid Warisan**

Masjid merupakan tempat beribadat umat Islam. Menurut Shihab (1997) masjid yang berasal dari sajada iaitu sujud yang bermaksud taat dan patuh serta tunduk hormat dalam beribadat. M.T.M. Rasdi, A.R. Musa N. Utaberta, M.M. Tahir (2011) menyatakan seni bina masjid merupakan gaya rupa asli terhasil dari penggunaan bahan binaan yang diolah mengikut sesuatu budaya bangsa serta mengikut keadaan iklim dan kepercayaan sesuatu bangsa itu. Gaya rupa pembinaanya mempunyai pengaruh pada zaman tersebut.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Secara umumnya terdapat beberapa kepentingan kajian ini kepada masyarakat.

### **1.7.1 Memberi informasi asal usul sejarah dan kesedaran penglibatan komuniti**

Kajian ini mempunyai kepentingan dalam mengetahui asal usul sejarah Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Selain itu, kajian ini juga dapat melihat tahap penglibatan komuniti terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid

Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Kajian ini membantu menambahkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat yang lain yang masih tidak mengetahui tentang Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah ini. Hal ini dapat membuka minda masyarakat untuk menghargai warisan yang ditinggalkan. Kajian ini dapat menemuka jalan penyelesaian dalam meningkatkan kesedaran komuniti berkaitan penglibatan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan warisan di negara kita.

### **1.7.2 Memberi pendedahan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan masjid warisan**

Pada masa yang sama, kejadian ini juga dapat mendedahkan kaedah pengurusan yang berkaitan dengan perlindungan dan pemeliharaan bangunan bersejarah, serta memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan masyarakat hari ini. Para penyelidik berharap agar kajian ini dapat membantu serta memberi pencerahan kepada orang ramai untuk turut serta dalam perlindungan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Aspek pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ini sangat penting untuk tatapan generasi akan datang bagi membuka mata mereka berkaitan pengurusan dalam menjaga warisan yang ditinggalkan. Melalui kajian ini, bangunan bersejarah yang dijaga dan dapat diteruskan generasi seterusnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan masjid warisan ini. Ia juga dapat memberi peluang kepada masyarakat setempat dalam meningkatkan taraf hidup mereka. Di samping itu, bangunan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah ini boleh memberikan ilmu yang baharu kepada masyarakat setempat terutamanya generasi yang akan datang

### **1.7.3 Rujukan bagi penyelidik pada masa akan datang**

Walaupun kajian ini tidak banyak kajian yang lepas, namun pengkaji tertarik dengan tajuk kajian ini berkaitan penglibatan komuniti dalam aspek pemeliharaan dan pemuliharaan warisan. Diharapkan kajian pengkaji ini dapat membantu pengkaji yang akan datang tentang kajian masjid ini. Dalam pada itu, hasil dari kajian ini juga boleh dijadikan sebagai pendokumentasian bahan masjid warisan terutamanya berkaitan penglibatan komuniti terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan masjid.

## **1.8 ORGANISASI PENULISAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini mempunyai lima bab. Bab 1 ini membincangkan berkaitan pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, dan skop kajian. Pengenalan kajian ini lebih terperinci menerangkan sejarah Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Sorotan kajian lepas banyak menghuraikan dalam bab ini.

Selain itu, Bab 2 membincangkan sorotan kajian tentang penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan masjid warisan. Hal ini kerana, ramai masyarakat yang kurang mengetahui dan kurang peka akan kepentingan penglibatan dalam memulihara dan memelihara Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat membuka ruang dan peluang orang ramai dalam pengurusan menjaga warisan yang ditinggalkan.

Seterusnya, Bab 3 membincangkan kaedah kajian atau metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini secara menyeluruh. Perbincangan bab ini menggunakan kaedah temubual, kepustakaan, analisis data. Kaedah kajian yang akan diguna pakai dalam penulisan ini untuk memperolehi segala data dan maklumat dari sumber primer dan juga sekunder.

Dalam Bab 4, pengkaji bakal menghuraikan mengenai dapatan kajian yang diperoleh melalui analisis kajian borang soal selidik dengan menggunakan *Model A Ladder Of Citizen Participation* sebagai panduan dalam mendapatkan data. Bab ini sangat penting dalam mendapatkan maklumat daripada responden bagi mengkaji kajian dengan lebih mendalam dan terperinci.

Bab yang terakhir iaitu Bab 5 menghuraikan mengenai perbincangan serta cadangan kajian dalam bentuk rumusan. Rumusan ini akan dibuat selepas mendapati data keseluruhan kajian.

## BAB II

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan konsep, kerangka teori dan kajian lepas. Konsep dan istilah yang akan dihuraikan ialah penglibatan komuniti, pemuliharaan dan pemeliharaan serta masjid warisan. Kerangka teori pula membincangkan *Model A Ladder of Citizen Participation* (Arntstein's 1969) yang dijadikan panduan dalam menganalisis data kajian ini.

Selain itu, dalam bab ini turut membincangkan kajian-kajian yang lepas berkaitan kajian. Kajian lepas perlu dibuat sebelum memulakan satu kajian yang lain bagi mengelak berlakunya pengulangan hasil-hasil penyelidikan orang lain. Sumber-sumber sorotan kajian lepas diambil menerusi artikel, buku ilmiah, jurnal, tesis atau kenyataan daripada tokoh mahupun pakar bidang. Sorotan kajian lepas menjadi panduan asas yang menunjukkan jalan kepada pengkaji tentang apa yang ingin dikaji oleh Rosmawati (2014). Hal ini dapat membantu pengkaji dalam membuat kajian agar mengenalpasti kekurangan kajian lepas dalam memperbaiki kajian yang baru ini.

#### 2.2 TEORI ARNSTEIN'S (A LADDER OF CITIZEN PARTICIPATION)

Teori Arnstein's (A Ladder Of Citizen Participation) atau dikenali sebagai penyertaan besar merupakan satu teori atau kaedah yang diperkenalkan oleh Sherry Arnstein


(1969). Teori ini berkaitan dengan penglibatan komuniti yang menunjukkan penyertaan dari tangga yang tinggi hingga tangga yang rendah. Penglibatan ini merupakan satu proses kerjasama dalam melaksanakan sesuatu projek ataupun program (Mohammad 2013). Terdapat lapan tangga dalam penglibatan komuniti dalam teori ini.

Menurut Dietz & Stern (2008), penglibatan komuniti ialah melibatkan orang ramai dalam menyuarakan pandangan untuk mendapatkan keputusan yang tepat dan teratur. Penyertaan komuniti sangat penting dan ia boleh dijadikan satu proses dalam pembangunan untuk memenuhi keperluan masyarakat Aiyeola et al. (2014). Pengertian penyertaan awam oleh Siti Hajar (2017) ialah satu proses perancangan untuk digunakan dalam menganalisis maklumat serta nilai komuniti. Komunikasi yang berkesan membolehkan masyarakat awam memperolehi maklumat yang kukuh serta jelas bagi memudahkan untuk menganalisis keputusan data (Kuhn & Zhang, 2014).

Secara umumnya, dalam teori ini mempunyai lapan tangga penglibatan yang melibatkan tiga peringkat penglibatan masyarakat bermula dari :-

- i. Tiada Penglibatan (Non Participation)
- ii. Peringkat daripada Tokenisme (Degrees of Tokenism)
- iii. Kekuatan Masyarakat (Degrees of Citizen Powers)

Dalam tiga peringkat ini terdapat lagi lapan anak tangga :-



Rajah 2.1: Pecahan tangga dalam tiga peringkat penglibatan menurut Model A Ladder of Citizen Participation (Arnstein's 1969)

Peringkat *Non Participation* (Tiada penglibatan) ialah peringkat yang paling rendah. Peringkat ini mempunyai dua tangga penglibatan iaitu ‘manipulasi’ dan ‘terapi’. Tangga penglibatan ‘manipulasi’ merupakan tangga yang pertama dari bawah dimana ‘manipulasi’ ini merupakan segelintir masyarakat bersetuju dengan cadangan program dan sebagainya oleh pihak atasan. Hal ini kerana pihak berkuasa mempengaruhi komuniti. Tangga penglibatan ‘terapi’ pula ialah menerima sahaja apa yang dikehendaki pihak berkuasa tanpa sebarang bantahan kerana wakil komuniti telah bersetuju dengan cadangan yang diutuskan pihak atasan.

Di peringkat penglibatan kedua ialah *Degrees of Tokenism* (Tokenisme). Dalam peringkat ini terdapat tiga tangga penglibatan iaitu ‘memaklumkan’, ‘perundingan’ dan diikuti tangga kelima ialah penglibatan ‘menenangkan’. Bahagian ini pihak komuniti mempunyai hak untuk bersuara, diberikan peluang menyuarakan pendapat dan peluang mendengar apa yang dibicarakan pihak berkuasa namun dalam bahagian ini juga mereka tidak dibenarkan membuat sebarang keputusan. Suara mereka semata-mata hanya untuk memenuhi prosedur sahaja. Ini merupakan peluang komuniti mendapatkan maklumat tindakan pihak atasan.

Peringkat penglibatan yang terakhir ialah *Degrees of Citizen Powers* (Kekuatan Masyarakat). Pada peringkat ini terdapat tiga tangga penglibatan iaitu ‘perkongsian’, ‘kuasa perwakilan’ dan ‘kawalan rakyat’. Tangga ‘perkongsian’ ini ialah peluang komuniti untuk berbincang dengan pihak atasan. Pada tangga ‘kuasa perwakilan’ serta ‘kawalan rakyat’ pula ialah pihak komuniti mempunyai kuasa yang besar dalam membuat segala keputusan dan perancangan. ‘Kawalan Rakyat’ merupakan tangga penglibatan yang tertinggi berbanding tangga-tangga yang lain. Perkara ini melibatkan penglibatan yang penuh oleh komuniti.

Kesimpulanya, *Model A Ladder of Citizen Participation* (Arnein’s 1969) merupakan garis panduan dalam memfokuskan kajian dengan lebih spesifik terutamanya dalam menilai responden penglibatan komuniti terhadap sesuatu kajian. *Model A Ladder of Citizen Participation* (Arnein’s 1969) penting dalam mengukur tahap pengamatan dan tindakbalas kepekaan individu terhadap pengetahuan dan penerimaan kajian yang dilaksana.

## 2.3 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Tinjauan kajian lepas dalam kajian ini adalah mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Kajian literatur ini merupakan bahan atau maklumat kajian-kajian lepas yang dilakukan penyelidik yang lepas berkaitan dengan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Antara sorotan kajian yang diperoleh dalam mencari maklumat kajian lepas melalui, bahan bertulis ilmiah, artikel, jurnal dan laporan penyelidikan. Pengkaji akan membaca terlebih dahulu setiap bahan yang dicari, bagi memahami isi maklumat yang terdapat dalam bahan tersebut. Perkara ini dilakukan untuk membantu pengkaji membuat kajian dengan lebih mudah melalui rujukan kajian-kajian lepas. Oleh itu, kajian literatur ini sangat penting dalam proses menyiapkan kajian ini. Pengkaji menggunakan kajian lepas ini sebagai maklumat tambahan yang kosong yang boleh dijadikan rujukan.

### 2.3.1 Penglibatan Komuniti

Menurut Kalsom & Ashikin (2006) penglibatan komuniti dalam apa juar program seperti pembangunan pelancongan sangatlah penting kerana ia merupakan dalam usaha membangunkan kelestarian pelancongan. Isu penglibatan komuniti dalam membuat keputusan di Malaysia masih lagi berada pada tahap kurang menggalakkan dan masih di peringkat minimum Yaakob (2012). Kajian ini mengatakan penglibatan komuniti terhadap Program Homestay di Kedah. Program ini untuk pembangunan melestarikan kawasan tersebut. Program Homestay ini berdasarkan komuniti yang berpotensi

untuk mencapai objektif pembangunan lestari apabila dirancang dengan baik. Program ini dipromosi oleh Kementerian Pelancongan untuk meningkatkan peluang ekonomi dan pembangunan dalam kalangan penduduk luar bandar. Rancangan pembangunan ini melibatkan usaha menaiktaraf kediaman tuan rumah. Program Homestay Desa Murni pertama kali dijalankan di lima buah kampung di Temerloh, Pahang dan program ini memberi kejayaan atas kerjasama penduduk disitu. Kejayaan program tersebut telah memberikan inspirasi untuk mengadakan program yang sama di Kedah iaitu Kampung Relau dan Kampung Raga. Pendekatan pembangunan lestari dapat mengelakkan berlakunya ancaman kemasuhan sumber alam. Perkara ini sangat sesuai sekiranya semua pihak yang terlibat dan memberi kerjasama dan galakan terhadap program seperti ini. Penglibatan komuniti sebagai bukti kemampuan ahli komuniti untuk bergerak secara bebas dan kolektif dalam mengurus hal ehwal komuniti ke arah yang lebih matang. Pengupayaan komuniti pula sebagai proses membangunkan perkembangan pengetahuan, kemahiran, dan mampu menyelesaikan sebarang masalah ke arah kesejahteraan diri dan komuniti.

Menurut kajian Afifah Arifin (2013) iaitu kesediaan masyarakat dalam pembangunan homestay. Kesediaan masyarakat merupakan elemen sangat penting yang bakal menentukan kejayaan pembangunan program homestay. Pemilihan homestay di pantai timur sebagai tempat kajian yang melibatkan beberapa buah negeri iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu. Kebanyakan projek masyarakat yang tidak berjaya seperti program homestay ini adalah disebabkan oleh kegagalan dalam membangunkan kesediaan masyarakat.

Kajian ini dijalankan untuk meninjau terhadap tahap kesediaan masyarakat dalam pembangunan program ini dari sudut kepimpinan, pengetahuan serta sokongan rakyat untuk menjayakan program ini. Pelancongan berteraskan komuniti merupakan konsep yang baru di dalam sektor pelancongan di negara ini. Kerajaan mula menyedari sektor ini dan memberi penekanan dalam sektor pelancongan kerana ia mempunyai potensi dalam membangunkan komuniti luar bandar. Melalui aktiviti ini dapat membangunkan masyarakat dengan menghayati peluang untuk bekerja. Produk homestay tidak digolongkan sebagai kemudahan penginapan semata mata, namun ia lebih memfokuskan kepada gaya hidup dan pengalaman termasuk juga budaya dan kegiatan ekonomi, Kementerian Pelancongan,(2010).

Penglibatan komuniti sebagai satu tindakan yang diambil masyarakat untuk menjadi sukarelawan dengan mengambil peluang untuk memikul tanggungjawab penyertaan dalam satu program Thosun (2000). Selain itu, menurut Fasli Djalal & Dedi Supriadi (2001) Penyertaan juga dapat bermaksud bahawa kumpulan itu mengenali masalah mereka sendiri, memeriksa pilihan mereka, membuat keputusan, dan menyelesaikan masalah. Penyertaan masyarakat menurut Isbandi (2007) merupakan penyertaan masyarakat dalam proses mengenal pasti masalah dan potensi yang dialami oleh masyarakat seperti selesaikan dengan mengadakan pilihan raya dan membuat keputusan mengenai penyelesaian untuk menangani sebarang masalah. Dalam kajian ini menegaskan bahawa penglibatan masyarakat dalam pelbagai bentuk mengikut serta dan mengambil peduli segala bentuk keputusan yang dibuat. Penyertaan komuniti dalam kajian dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap

institusi pentadbiran dan pemerintahan kerajaan. Dengan melibatkan penduduk dalam proses membuat keputusan, kepercayaan masyarakat terhadap pemerintah terus ditingkatkan, dan ia menjadi petunjuk yang utama kerana menyokong sokongan dan kesahihan pemerintah yang berkuasa. Hal ini menunjukkan bahawa seorang pemimpin harus mampu mempengaruhi dan memerhati orang bawahannya, dan harus memiliki sifat keterbukaan terhadap pandangan-pandangan baru serta mendukung pelaksanaan inovasi. Kepemimpinan adalah proses mengarahkan dan mempengaruhi aktiviti yang berkaitan dengan tugas penglibatan komuniti atau berkolompok. Kehadiran seorang pemimpin sangatlah penting dalam mempengaruhi dalam penglibatan masyarakat setempat.

Menurut kajian oleh Abdul Rasid Abdul Razzaq & Mohamad Zaid Mustafa (2014) iaitu Pembangunan Keupayaan Komuniti Menerusi Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman. Tiada penyertaan komuniti disebabkan masalah kebergantungan komuniti terhadap NGO atau pihak kerajaan. Perkara ini dilihat sebagai hasil daripada kegagalan NGO atau pihak kerajaan membangunkan keupayaan komuniti semasa dengan tempoh bantuan diberikan sebagai persediaan untuk membolehkan komuniti berdikari. Namun setelah berakhirnya bantuan dari luar, komuniti juga turut berhenti melibatkan diri. Lee et al. (2012) jumlah peserta awam di Malaysia masih lagi berada pada tahap yang mengecewakan kerana rakyat Malaysia masih takut dan belum mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai proses penglibatan awam, serta isu-isu tentang peraturan-peraturan pengawalan dan sebagainya. Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian

kes dalam proses memahami secara mendalam pembangunan kesedaran, pengetahuan, kemahiran ahli-ahli komuniti dalam pembangunan pelancongan komuniti di Mukim Batu Puteh, Kinabatangan Sabah. Harrison & Schipani, (2007) banyak kajian lepas mengatakan bahawa projek pelancongan komuniti dorongan atau daya usaha pihak NGO atau kerajaan tidak berdaya saing dan mempunyai tempoh jangka hayat yang tidak lama. Projek ini dikatakan berjaya walaupun penglibatan komuniti hanyalah menyumbang di tahap besederhana terutamanya dari sudut kesan pembangunan ekonomi komuniti setempat. Komuniti berharap dan bergantung dengan pihak NGO atau kerajaan dalam tempoh yang panjang menyelesaikan pemasalahan yang dihadapi oleh komuniti yang terlibat dalam projek Pelancongan berasaskan komuniti. Terdapat bukti kajian-kajian lepas yang menyatakan terdapat beberapa projek pelancongan itu terbengkalai “mati” setelah berakhirnya bantuan dari pihak luar seperti badan NGO dan kerajaan (Blackstock, 2005). Dalam sektor pelancongan penglibatan komuniti ini masih kurang mendapatkan perhatian berbanding dengan bidang-bidang yang lain seperti pendidikan, kesihatan dan pertanian. Walhal penglibatan komuniti turut dijadikan satu strategi dalam membangunkan kesejahteraan diri dan masyarakat.

Mohd Jaki (2014) kajiannya iaitu penglibatan masyarakat dalam pemuliharaan kawasan warisan di pusat bandaraya Ipoh, Perak. Kajian ini berkaitan masalah pengabaian kawasan warisan di kalangan masyarakat, merangkumi pentadbir, pengguna dan pemilik bangunan. Ini menunjukkan bahawa tempat-tempat peninggalan di Bandaraya Ipoh berada pada tahap yang membimbangkan, sama ada ia musnah atau hilang kerana gagal

dilindungi. Kawasan dan bangunan warisan ini juga telah hilang dengan gaya hidup masyarakat seperti budaya dan aktiviti ekonomi termasuk seni bina. Menurut fahaman masyarakat terhadap kawasan warisan ini diukur melalui aspek potensi dari sudut keyakinan masyarakat bagaimana masyarakat itu mampu menggerakkan dalam memulihara kawasan warisan. Manakala aspek kesedaran pula diukur untuk menilai tahap kesedaran sehingga ia boleh mendorong masyarakat yang memberi sumbangan memulihara. Hal ini telah menemui jawapan dalam kajian dengan meletakkan penglibatan masyarakat penting sebagai faktor utama mengatasi kelemahan pemuliharaan dan pengabaian kawasan warisan. Peranan potensi dan kesedaran merupakan elemen pendorong masyarakat terlibat memulihara kawasan warisan.

### **2.3.2 Pemuliharaan dan Pemeliharaan**

Mohd Qawien Bin Mootar (2019) dalam kajiannya Pemuliharaan Bangunan Warisan Dari Aspek Sejarah Di George Town, Pulau Pinang menekankan aspek kepentingan peranan dan sejarah dalam kaedah pemuliharaan bangunan sesebuah warisan. Aspek sejarah yang ditekankan adalah keaslian bangunan warisan tetap dipulihara walaupun sudah berkali berlaku proses pemuliharaan. Dalam pada itu, kajian ini memperbanyakkan lagi komponen sejarah dan menghasilkan prinsip pendokumentasian dalam aspek garis panduan pemuliharaan sesebuah bangunan warisan. Banyak bangunan warisan yang dipulihara telah diubahsuai fungsinya daripada sebuah bangunan kepada menjadi muzium, restoran dan hotel. Bangunan yang

mempunyai nilai sejarah seni bina dan budaya yang tinggi haruslah dijaga kerana ia merupakan warisan kebudayaan. Bangunan haruslah dipulihara dengan adanya kerja pembaikan dan pengubahsuaian tanpa merosakkan seni bina asal atau struktur yang asal atau tidak merubah keaslian bangunan tersebut. Perkara ini dapat memberi manfaat dalam menjaga keistimewaan kedudukan seni bina Melayu Lama sebagai aset warisan negara. Pemuliharaan bangunan warisan merupakan kerja pemuliharaan ke atas bangunan untuk mengekalkan, memulihara dan melindungi kerosakan serta memanjangkan usia bangunan warisan yang ditinggalkan.

Selain itu, dalam kajian Suhana Binti Johar (2012) Pemuliharaan Dan Pembaikan Masjid Kayu Tradisional Di Malaysia mengandungi sesebuah negara mempunyai identiti dikenal pasti dengan adanya warisan seni bina dan ia merupakan sumber rujukan seta bukti yang penting dalam mengenali asal usul sesuatu negara. Usaha pemuliharaan masjid-masjid lama yang dijalankan samada dari Jabatan Warisan Negara ataupun dari badan-badan bukan kerajaan (NGO) ini bukan hanya penting untuk memanjangkan penggunaan bangunan ini kepada masyarakat, ia juga banyak menyumbang dari aspek pendidikan dan pelancongan. Pemuliharaan masjid memerlukan pemahaman pendekatan yang berbeza kerana bukan semua pendekatan dalam pemuliharaan sesuai digunakan. Setiap kerja pembaikan yang dijalankan perlu berhati-hati serta mengekalkan elemen yang asal agar tidak rosak. Prinsip asas dalam pemuliharaan diguna pakai sebagai satu rangka kerja pembaikan kayu yang memberi penekanan terhadap perlunya kerja-kerja perlindungan bahan kayu, ia juga memberi contoh kepada pengetahuan yang diperlukan dalam suatu

aktiviti pemuliharaan bangunan warisan yang lain. Masjid tradisional adalah harta warisan budaya tempatan. Ia perlu dipulihara dan dikekalkan berterusan untuk tatapan generasi akan datang. Pembaikan dan pemuliharaan masjid tradisional sangat penting dalam memelihara kesinambungan seni bina tempatan Malaysia. Dalam pemuliharaan bandar warisan dapat memberikan manfaat kepada bandar seperti menjana pendapatan ekonomi dalam pelbagai sektor. Contohnya agen pelancongan.

Kajian Nurul Nadia Binti Afandi (2010) iaitu pemuliharaan dan kos baik pulih bangunan lama Di Pulau Pinang. Terdapat pelbagai jenis kecacatan pada sesebuah bangunan yang disebabkan oleh pelbagai faktor. Bangunan yang dipilih dalam kajian pengkaji ini ialah Wawasan Open Universiti (Bangunan Pentadbiran), Pulau Pinang, Rumah Suffolk, Pulau Pinang, Rumah Agam Cheong Fatt Tze, Pulau Pinang, dan juga Kota Cornwallis, Pulau Pinang. Kaedah pengembalian semula dan kaedah pemulihan merupakan kaedah yang sering digunakan untuk membaikpulih sesebuah bangunan lama. Selain itu, kos setiap penyelenggaraan memerlukan kos yang tidak sama. Berlakunya peningkatan kos dalam penyelenggaraan bagi setiap bangunan akibat kerosakan yang melampau. Terdapat pelbagai kerosakan pada bangunan ini dan ia perlu dibaikpulih untuk membolehkan bangunan ini dapat digunakan semula seperti dibahagian bumbung disebabkan oleh kebocoran dan terdedah kepada kelembapan yang tinggi. Di samping, siling menghadapi masalah atas faktor kayu reput, berkarat dan serangan anai-anai. Cat mengelupas dan juga menyebabkan berlakunya rekahan pada dinding bangunan. Kecacatan dan kerosakan oleh bangunan ini dan ia perlu dibaikpulih sepenuhnya untuk

membolehkan bangunan ini berfungsi seperti sedia kala. Pemuliharaan sebagai kerja membaikpulih semula monumen atau tapak bersejarah kepada senibina dan bahan-bahan binaan yang hampir sama dengan yang asal semasa awal pembinaan. Kaedah penyenggaraan yang dijalankan terhadap bangunan warisan merupakan kaedah yang paling berkesan bertujuan memulihara warisan tersebut agar tidak terabai dari penjagaan yang betul. Dalam pada itu agensi yang terlibat dan individu haruslah mempertimbangkan perkara ini dengan baik tentang pendekatan pemuliharaan yang akan digunakan. Hal ini kerana mempunyai kaitan dengan beberapa faktor seperti usia bangunan, nilai bangunan warisan, rekabentuk, seni bina,, bahan dan cara penyelenggaraan yang telah disahkan oleh beberapa pihak yang berkenaan.

Rahman, Akasah, & Zuraidi (2019), menyatakan bahawa pemuliharaan sesebuah bangunan warisan tidak boleh dibiarkan kerana kita mempunyai pelbagai pendekatan yang baik seperti penyenggaraan. Bangunan yang dalam proses pemuliharaan dan pemeliharaan mestilah dilindungi agar keselamatan bangunan warisan tersebut tidak terancam. Aktiviti penyenggaraan ini adalah satu proses dalam mengekalkan fungsi-fungsi struktur bangunan yang terdapat pada bangunan warisan. Penyenggaraan dari segi memelihara, membaiki dari setiap struktur bangunan yang mengalami kerosakan dan persekitaran di sekeliling bangunan tersebut selepas pembinaan. Banyak bangunan lama yang menjadi usang dalam kawasan perbandaran. Bangunan ini selalu berhadapan dengan pengabaian dan tekanan pembangunan seperti pencorobohan. Asbab faktor lain pengabaian bangunan lama ialah kos penyelenggaraan yang mahal, usia bangunan itu serta tiada jaminan keselamatan menyertai pembaikan.

Selain itu, tekanan terhadap permintaan harta tanah dan pembangunan yang tinggi di kawasan bandar bagi memenuhi keperluan ekonomi dan masyarakat telah menghilangkan sebahagian daripada bangunan yang bercirikan asal usul tempat dan identiti. Penyenggaraan yang dijalankan terhadap bangunan warisan merupakan kaedah yang paling berkesan bertujuan memulihara warisan tersebut agar tidak terabai dari penjagaan yang betul. Dalam pada itu agensi yang terlibat dan individu haruslah mempertimbangkan perkara ini dengan baik tentang pendekatan pemuliharaan yang akan digunakan. Hal ini kerana mempunyai kaitan dengan beberapa faktor seperti usia bangunan, nilai bangunan warisan, rekabentuk, seni bina,, bahan dan cara penyelenggaraan yang telah disahkan oleh beberapa pihak yang berkenaan.

Siti Nor Fatimah, Zainal Abidin, & Mohammad Ashraf, (2011) aktiviti pemuliharaan yang dijalankan adalah untuk mengekalkan struktur asal dan bentuk bangunan yang semakin tua. Bangunan-bangunan ini merupakan satu warisan yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi, kebudayaan dan kemajuan ketamadunan pada waktu ianya dibina. Dalam kajian ini berfokuskan pemuliharaan bangunan warisan yang terdapat dalam Malaysia. Hampir kesemua bangunan warisan di Malaysia dibina oleh pihak penjajah seperti British, Belanda dan Portugis. Bangunan-bangunan yang dibina penjajah pada waktu itu mempunyai pengaruh kebudayaan mereka. Kesan daripada bangunan yang terbiar telah menyebabkan berlakunya kerosakan di struktur bangunan pada bahagian tertentu. Melalui matlamat utama kajian dalam pemuliharaan, ianya boleh menjamin tempoh hayat sesuatu bangunan untuk jangka masa yang panjang. Akibat menerima pendedahan yang berterusan

pada ejen perosak seperti keadaan cuaca tropika dan tanpa penjagaan dan penyenggaraan yang rapi, kerosakan bangunan akan tampak usang dan menjadi lebih teruk.

Menurut Nor Syahila & Nila Inangda Manyam Keumala (2014) prinsip-prinsip konservasi yang telah ditetapkan mestilah diikuti bagi menjaga dan memelihara nilai seni bina,reka bentuk, sosial dan nilai sejarah. Cara yang berkesan untuk menjaga nilai bangunan lama iaitu melalui kaedah penyesuaigunaan semula agar dapat memulihara dan memelihara bangunan yang terpinggir tersebut. Kaedah konservasi bangunan ini merupakan jalan dalam usaha untuk memelihara bangunan-bangunan warisan yang terpinggir agar sesuatu bangunan warisan dapat diaplikasikan dengan kegunaan yang lain mengikut peredaran zaman walaupun fungsi dahulu dan kini agak berbeza. Premis warisan yang terbiar, kosong diberi keutamaan dalam pemulihan untuk memastikan pemeliharaan bangunan-bangunan tersebut tidak terleka dalam arus pemodenan kini.

### 2.3.3 Masjid Warisan

Ahmad Faisol Yusof et : a.l . (2020) kajiannya a Study Of Mosque Mimbar Entrance Mimbar menjadi sebuah unsur atau komponen di bangunan setiap masjid. Komponen atau elemen seperti ruang solat, kubah, berwuduk, pintu masuk, dan tempat berwudhu (kolah), menara dan kerusi wajib dalam binaan masjid. Setiap satu komponen itu mempunyai peranan sendiri dan masih

digunakan dalam reka bentuk masjid. Setiap masjid rekaannya berbeza-beza termasuk unsur-unsur mimbar. Gaya seni bina masjid di China, India dan Malaysia mempunyai perbezaan dari segi seni bina elemen utama iaitu mimbar.

Antara kajian penyelidikan oleh Faridah Noor Mohd. Noor (2018), Masjid Lama Pangkalan Kakap adalah salah satu masjid yang tertua yang dibina di Malaysia. Ini membuktikan bahawa masjid tersebut adalah bukti terawal kedatangan Islam ke Kedah. Menurut Fadli Ghani (2020) bahawa Kedah merupakan antara negeri yang terawal menerima Islam di Tanah Melayu. Pengislaman Kerajaan Kedah pada 1136M adalah lebih awal berbanding Kelantan, Melaka, Samudera-Pasai, Terengganu dan Champa. Kedatangan Islam ke Alam Melayu menerusi kegiatan perdagangan dan pendakwahan yang telah mempengaruhi sosial masyarakat Melayu pada zaman tersebut untuk menganuti agama Islam, Azyumardi Azra (2002). Nor Hayati (2012) Masjid merupakan institusi yang berperanan sebagai tempat beribadat dan merupakan pusat pengembangan ilmu Islam dalam kalangan masyarakat Islam.

Nangkula Utaberta & Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi (2010) dalam kajiannya mengenai analisis perancangan masjid di Malaysia. Masjid tradisional merupakan masjid yang didirikan sebelum kehadiran penjajah asing di Malaysia. Senibina vernakular berhubungan dengan kesediaan bahan, tukang, dan teknologi yang ada sebelum zaman kolonial. Masjid tradisional Malaysia memiliki atap yang tidak jauh berbeza dengan masjid yang ada di Indonesia seperti berbentuk limas dan bertingkat-tingkat. Oleh itu, atap masjid

di Malaysia seringkali dikatakan mempunyai iras atau persamaan dengan bentuk atap masjid di Indonesia. Perbezaan antara masjid Indonesia dengan Malaysia ialah perletakan lantainya. Masjid Indonesia yang banyak melekat pada permukaan tanah manakala masjid tradisional Malaysia lebih mirip dengan rumah tradisional yang diangkat dari permukaan tanah. Kajian ini mengatakan kemungkinan masjid tradisional Malaysia dibina begitu agar mudah dipindahkan seperti Masjid Kampung Laut di Kelantan.

Fairuzah Hj Basri (2002) keunikan seni bina masjid peninggalan silam dan binaan masa kini di Malaysia yang tertumpu kepada ciri-ciri khas binaan masjid seperti bumbung, kubah, menara, mimbar dan mihrab. Bentuk masjid adalah masjid berkubah. Ia merupakan satu bentuk masjid yang mendapat pengaruh Asia Barat dan India. Reka bentuk ini menggantikan masjid bumbung bertingkat. Kubah menggunakan bentuk separuh bulat dan pada bahagian dalam dinding kubah dihias dengan corak arabesque seperti corak kaligrafi, tumbuh-tumbuhan dan geometri. Corak pada bahagian dalam kubah yang dipandang dari jauh lebih menggambarkan langit yang dihiasi bintang. Ia juga dikatakan sebagai simbol kosmos yang menghubungkan dunia dengan akhirat. Seni bina masjid tradisional dan masjid kini ternyata berbeza di mana ia tetap mempunyai keistimewaan dan keindahannya yang tersendiri.

Fungsi masjid menurut Che Norliza Sulong (2004) terlalu besar. Ianya melambangkan kesepaduan umat Islam dalam urusan dunia dan akhirat. Masjid pada zaman rasulullah s.a.w. mempunyai beberapa fungsi seperti berikut tempat sembahyang, tempat mengajar ilmu agama, latihan ketenteraan,

tempat merawat mangsa peperangan, sebaik pusat komunikasi dan konsulti masalah ekonomi dan sosiobudaya, tempat pemupukan kerjasama masyarakat, tempat pengdamaian pergaduhan dan tempat membela agama Islam. Masjid sebagai institusi pendidikan Islam yang pertama yang diuruskan secara formal untuk orang Islam. Masjid ini Nabi Muhammad s.a.w.. mengajar para sahabat setiap hari mengenai ilmu-ilmu Islam termasuk hukum hakam, aqidah dan sebagainya.

Mansoureh Ebrahimi & Kamaruzaman Yusoff (2018) dalam kajian mereka masjid merupakan tempat suci untuk sujud kepada Tuhan Yang Maha Esa, secara individu atau berkumpulan, seni bina masjid telah berkembang jauh, dari reka bentuk dan fungsi yang sangat sederhana hingga bentuk dan susun atur yang lebih canggih. Di Malaysia, pelbagai kaum banyak mempengaruhi reka bentuk dan fungsi masjid seni bina tidak mengubah fungsi utama masjid dari perspektif Islam. Walaupun begitu, reka bentuk dan struktur memberi manfaat kepada penggunaan untuk merangkumi tarikan pelancong.

Secara umumnya, keseluruhan kajian lepas yang dicari yang berkaitan dengan asal usul, seni bina dan pembinaannya. Berdasarkan kajian lepas, tidak ada lagi kajian tentang penglibatan komuniti terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan masjid warisan Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Pengkaji mengambil kesempatan untuk membuat kajian tentang penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap masjid ini.

## 2.4 KERANGKA TEORITIKAL

Seperti yang telah dinyatakan pada awal bab ini, kajian ini menumpukan terhadap penglibatan komuniti terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan masjid warisan Pangkalan Kakap Merbok, Kedah. Model Arnstein iaitu *A Ladder Of Citizen Participation* (1969) merupakan satu teori pendekatan dalam menjawab semua persoalan kajian yang dilakukan. Kerangka teoritikal ini merupakan petunjuk arah dalam meneliti kajian dengan lebih terperinci, Koentjaraningrat (1990).

Model penyertaan besar mengutamakan pembangunan yang dijalankan dan diuruskan secara langsung oleh masyarakat setempat itu sendiri. Model sedemikian menekankan usaha dalam mengembangkan kemampuan masyarakat membentuk menguatkan masyarakat, Sumodiningrat (1999). Terdapat teori sokongan dalam penyelidikan, ini antara punca utama mengapa penyertaan masyarakat ini berlaku menurut Conyers (1991) :-

- i. Untuk mendapatkan maklumat mengenai perkembangan semasa. Tanpa kehadiran ini program akan gagal
- ii. Masyarakat akan lebih percaya pada projek atau aktiviti atau program kerana berasa penglibatan diri penting dalam melaksanakan program tersebut
- iii. Menggalakkan penyertaan umum kerana masyarakat mempunyai hak melibatkan dalam komuniti sendiri

Dalam perbincangan mengenai penyertaan masyarakat adalah penting untuk mengenal pasti definisi masyarakat yang sesuai. Semasa melibatkan komuniti, adalah mustahak untuk menyedari bahawa komuniti bukan objek tetapi sebenarnya heterogen Mompati & Prinsen (2000).

Menurut Made Pidarta dalam Siti Irene Astuti D. (2009), penyertaan komuniti adalah penglibatan seseorang atau orang dalam suatu aktiviti atau program. Penglibatan ini boleh dalam bentuk keterlibatan mental, emosi dan fizikal dalam menggunakan semua kemampuan yang mereka miliki (mengambil inisiatif) dalam semua aktiviti yang dijalankan dan menyokong pencapaian tujuan serta tanggungjawab untuk semua penglibatan.

Oleh itu, model yang digunakan dalam kajian penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah ialah Model *A Ladder Of Citizen Participation* (1969). Penglibatan komuniti akan diukur melalui tahap penglibatan komuniti dan menentukan tahap tangga yang diklasifikasikan oleh Arnstein (1969). Selain itu, usaha dalam penglibatan pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini juga diukur untuk menentukan tahap tangga Arnstein (1969). Perkara ini mempunyai hubungan yang sangat rapat antara komuniti dengan pihak kepentingan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini. Hal ini demikian kerana, tahap penglibatan komuniti dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan dapat diukur menggunakan konsep Lapan Tangga Penglibatan masyarakat (*Eight Rungs on Ladder of Citizen Participation*). Jelaslah penglibatan komuniti merupakan aspek yang penting dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.

Berdasarkan penjelasan diatas dapat dirumuskan bahawa Model *A Ladder Of Citizen Participation* (1969) ditakrifkan sebagai potensi memerhati keadaan sesuatu peristiwa dan sebagainya melalui beberapa anak tangga. Pandangan individu yang akan memberi tanggapan positif atau negatif mengenai program yang dijalankan. Model ini juga adalah satu proses yang dimulakan dengan penglibatan sehingga terbentuk kesedaran dalam diri individu sehingga berasa bertanggungjawab penuh atas setiap aspek pengurusan terlibat dalam program seperti ini.

Kesimpulanya, Model *A Ladder Of Citizen Participation* (1969) merupakan garis panduan dalam memfokuskan kajian dengan lebih spesifik terutamanya dalam menilai penglibatan responden terhadap sesuatu kajian. Model *A Ladder Of Citizen Participation* (1969) penting dalam mengukur tahap penglibatan komuniti dan kepekaan dalam memulihara dan memelihara Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah serta pengetahuan dan penerimaan kajian yang dilaksana.

## PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PEMULIHARAAN & PEMELIHARAAN MASJID WARISAN : KAJIAN DI MASJID PANGKALAN KAKAP, MERBOK, KEDAH.

ANALISIS : MODEL ARNSTEINS (A LADDER OF CITIZEN PARTICIPATION)  
Tahap Penglibatan Masyarakat

Pihak Kepentingan (Kerajaan & NGO)


Masyarakat Tempatan

Pemeliharaan, pemuliharaan terhadap Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah

Mengetahui latar belakang sejarah Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah

Menghurai usaha-usaha pemeliharaan pemulihraan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah

Penglibatan komuniti terhadap memulihara dan memelihara masjid ini.



Rajah 2.2 : Kerangka Konsep kajian berdasarkan Model *A Ladder Of Citizen Participation* (1969)

## 2.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini menghuraikan tentang kajian lepas yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Sorotan kajian yang dilakukan adalah berkaitan dengan topik kajian. Keseluruhan kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji tentang penglibatan komuniti pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap Masjid Warisan Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu kebanyaknya kajian tentang reka bentuk masjid, penglibatan komuniti, pemuliharaan dan pemeliharaan warisan. Pengkaji terdahulu hanya membincangkan secara ringkas mengenai kajian berkaitan penglibatan komuniti. Perbezaan pandangan dan pendapat daripada pengkaji-pengkaji yang lepas membolehkan pengkaji memahami sudut kajian secara lebih menyeluruh. Pengkaji menggunakan Model *A Ladder of Participation* (Arnstein 1969) yang berkait dengan tajuk pengkaji iaitu penglibatan komuniti. Perkara ini, bertujuan dapat melihat sejauhmana penglibatan komuniti dalam usaha memelihara dan memulihara masjid warisan Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.

## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan proses dan kaedah kajian yang digunakan. Bagi memastikan proses memperoleh data kajian lancar dan teratur, maka teknik dan reka bentuk kajian perlu dibincang dengan baik. Metodologi kajian bermaksud teknik, gaya, jalan dan kaedah yang digunakan dalam mendapatkan data kajian ini. Metodologi juga sebagai rujukan yang sesuai terhadap penggunaan kaedah penyelidikan dalam menentukan permasalahan kajian. Hal ini seperti yang dinyatakan Kumar (1996) , reka bentuk sesebuah penyelidik perlu dilakukan dengan sistematik agar objektif kajian dapat dicapai hasil kaedah perolehan data yang lancar dan cekap. Menurut Ahmad Mahdzan (2007) metodologi merangkumi segala andaian dan sistem nilai yang menjadi asas bagi kajian atau penyelidikan atau kriteria yang digunakan untuk menafsir data dan mencapai kesimpulan. Penyelidikan ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui pendekatan kuantitatif dan kualitatif merangkumi kajian kepustakaan, borang soal selidik dan temu bual. Kaedah analisis hasil kajian turut dibincangkan dalam bab ini.

Metodologi kajian merupakan kaedah, cara dan teknik untuk mengumpul data dan menganalisis data dalam mencapai objektif. Kaedah ini dilakukan untuk disimpan

dan dijadikan bukti sokongan dalam kajian ini. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam kajian ini.

### **3.2 PROSES PENGUMPULAN DATA**

Cresswell (1998) proses pengumpulan data merupakan proses dan satu kaedah mengumpul dan mengukur data maklumat yang berkaitan dengan kajian penyelidikan yang dilakukan. Melalui pengumpulan dan merekod maklumat data ini membolehkan pengkaji menjawab dan menilai data yang diperoleh. Pengumpulan data yang tepat sangat penting dalam proses penyelidikan ini dijalankan melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif. Sabitha Merican (2005), data ialah pengiraan ke atas ciri-ciri, kejadian, fakta atau ukuran ke atas sesuatu peristiwa yang boleh dikira. Teknik pengumpulan data digunakan bagi memperolehi maklumat berkaitan kajian yang dijalankan.

Sumber pengumpulan data terbahagi kepada dua iaitu melalui data primer dan juga sekunder. Data primer ialah data yang utama dikumpulkan yang diperolehi dari penyelidik sendiri secara langsung di lapangan. Data sekunder pula ialah maklumat yang diperoleh melalui data yang telah berlaku seperti kajian-kajian lepas, laman web, jurnal dan sebagainya. Terdapat beberapa kaedah proses pengumpulan data yang akan digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian ini agar berjalan dengan teratur, sistematik dan memenuhi piawaian objektif yang dikehendaki oleh penyelidik.

#### **3.2.1 Data Primer**

Menurut Hasan (2002) data primer merupakan data yang diperoleh atau dikumpulkan secara langsung di kajian lapangan oleh pengkaji. Dalam mendapatkan sumber primer melalui kerjasama responden perseorangan memberi penjelasan tentang persoalan objektif kajian. Data primer ini adalah data dari sumber asli yang tepat dalam mendapatkan maklumat dengan menggunakan kaedah pemerhatian, soal selidik dan temu bual. Dalam mengetahui penglibatan komuniti terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Warisan Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Kaedah pengumpulan data yang akan digunakan dalam kajian ini dengan perolehan dari temu bual dan soal selidik melalui data primer.

### **3.2.2 Data Sekunder**

Hasan (2002) mengatakan bahawa data sekunder merupakan data yang dikumpulkan dan diperoleh daripada orang yang melakukan penelitian dari sumber-sumber yang telah ada. Data ini digunakan untuk mengukuhkan lagi maklumat yang ada dan sebagai maklumat tambahan data primer yang telah diperoleh pengkaji. Data sekunder ini ialah bahan pustaka, laman sesawang, penelitian terdahulu, akhbar, buku ilmiah, jurnal dan sebagainya. Data sekunder ini turut membantu dalam mendapatkan maklumat yang tidak mampu dijawab oleh responden dalam kajian. Hal ini jelaslah bahawa proses pengumpulan data digunakan oleh pengkaji dengan perolehan data sekunder melalui kajian kepustakaan dalam kajian penglibatan komuniti terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah.

### 3.2.3 Kualitatif

Nana (2005) pendekatan kaedah kualitatif merupakan suatu penyelidikan yang dilakukan terhadap suatu kesatuan, sama ada dalam bentuk program mahupun kejadian yang terikat oleh waktu dan tempat. Marshall & Rossman (1995) analisis data kualitatif merupakan proses penyusunan, struktur dan makna daripada data yang dikumpulkan.

#### i. Temu Bual

Pengkaji memperolehi data dengan menggunakan kaedah temubual secara terus dengan pihak yang telah dipilih. Menerusi kaedah temu bual, pengkaji dapat memperolehi maklumat berkaitan latar belakang, info berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah serta maklumat-maklumat lain yang diperlukan objektif kajian. Temu bual yang akan dilakukan pengkaji terhadap kajian ini menerusi dalam talian bersama 3 orang responden untuk memenuhi objektif kajian berikut pandemik Covid 19. Kaedah ini dijalankan bagi mengukuhkan lagi data-data kajian yang dikaji. Temubual berstruktur merupakan jalan yang terbaik bagi mendapatkan jawapan soalan terbuka serta maklumat responden secara terperinci. Temu bual dapat meluangkan masa untuk beramah mesra dengan responden.

#### i. Kepustakaan

Pengkaji menggunakan pengumpulan data daripada laman sesawang, bahan ilmiah, artikel, tesis, akhbar yang berkaitan dengan objektif kajian yang dijalankan agar data yang diperolehi tepat. Kaedah ini sangat membantu pengkaji merujuk kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang hendak dijalankan oleh pengkaji. Dalam rujukan ini juga pengkaji menggunakan laman sesawang untuk mencari maklumat mengenai tempat atau lokasi kajian dan menambah maklumat dalam kajian yang digunakan oleh pengkaji. Kaedah kepustakaan ini pengkaji mendapatkan sumber dari hasil dapatan yang telah ada.

### **3.2.4 Kuantitatif**

Pendekatan kaedah kuantitatif adalah sesuatu yang diukur melalui nilai yang berangka. Mohd Zuhairil (2019) dalam kaedah kuantitatif penyelidik akan menganalisis data untuk memahami dan menyelesaikan masalah tentang masyarakat dan tingkah laku manusia. Kaedah kuantitatif dalam bidang sains sosial juga meramalkan kejadian tertentu dalam proses membuat keputusan hasil data daripada kajian yang dijalankan. Kuantitatif juga berlaku atas kajian yang dikumpulkan dalam proses membuat keputusan kajian yang telah dilakukan. Data yang berbentuk nombor akan diterjemahkan dalam bentuk ayat untuk menerangkan hasil kajian yang diperolehi daripada kajian yang dilakukan. Dalam mengetahui kajian penglibatan komuniti terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Warisan Pangkalan Kakap, Merbok,

Kedah, proses pengumpulan data yang akan digunakan dalam kajian ini dengan perolehan dari soal selidik dan persampelan.

### i. Soal Selidik

Menurut Ghazali (2003) kaedah soal selidik merupakan kaedah yang berkesan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian penyelidik. Soal selidik juga merupakan satu set soalan untuk mendapatkan maklumat bagi kajian. Penggunaan kaedah ini, pengkaji akan menyediakan satu borang soal selidik untuk mendapatkan jawapan daripada pihak responden mengenai penglibatan komuniti terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Kaedah soal selidik ini amat sesuai digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan sesuatu kajian yang telah dijalankan. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan soal selidik yang akan diedarkan dalam bentuk ‘Google Form’ (atas talian) berikutan pandemic covid 19. Borang soal selidik ini akan diedarkan kepada responden kajian untuk memperoleh maklumat berkaitan kajian. Bagi kaedah ini, jawapan daripada pihak responden mengenai penglibatan komuniti terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan diproses dahulu.

Soal selidik yang diedarkan mempunyai beberapa jenis soal selidik yang digunakan. Antaranya ialah demografi, skala *likert* dan dikotomus.

#### 1. Demografi

Jenis soalan ini memfokuskan latar belakang responden yang terdiri daripada jantina, umur, tempat tinggal, pekerjaan dan status. Data bahagian ini akan dikutip sebagai peratus dalam kategori umur dan sebagainya.


## 2. Skala *Likert*

Skala likert item kajian mempunyai lima tahap penilaian iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Skala jawapan yang digunakan adalah pilihan dalam angka 1 (tidak setuju), 2 (setuju), 3 (sangat setuju). Bahagian ini memerlukan persetujuan atau penilaian responden terhadap penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.

## 3. Dikotomus

Data dalam soalan ini juga penting dalam mendapatkan pilihan sampel daripada 2 penilaian yang diberi iaitu ya atau tidak.

Selain itu, pengkaji mendapatkan bilangan data penduduk kampung sekitar Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah melalui laman sesawang. Pengkaji mengambil nombor yang tertera dilaman tersebut untuk menghubungi Penghulu Mukim Merbok dan Bujang menggunakan aplikasi ‘Whatsapp’. Ini merupakan data bilangan kampung yang dihantar oleh Penghulu tersebut.



Gambar 3.2 : Bilangan Rumah Kampung Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah

Statistik penduduk disetiap daerah atau mukim penting untuk diketahui dalam menyiapkan kajian ini. Akan tetapi pengkaji tidak memperoleh bilangan data penduduk sekitar Kampung Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Pengkaji terpaksa menganggarkan data yang diterima iaitu 90 buah rumah di kampung tersebut memerlukan responden sebanyak 186 orang. Setiap 90 buah rumah tersebut mempunyai saiz isi rumah tersendiri. Menurut Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2019) suri rumah merupakan seseorang atau sekumpulan yang menetap bersama dalam satu kediaman. Sesebuah isi rumah dikategorikan sebagai isi rumah warganegara sekiranya ketua isi rumah berwarganegara. Dari segi peratusan sebahagian besar, isi rumah mempunyai 4 orang ahli atau lebih. Oleh itu, pengkaji mengambil definisi ini sebagai data bilangan untuk sesebuah rumah di Kampung Pangkalan Kakap, Merbok,Kedah.

Pemilihan responden adalah berdasarkan jadual Krejcie & Morgan (1970) seperti berikut:

Jadual 3.2 : Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970)

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
60	52	75	63	90	73
65	56	80	66	96	76
70	59	85	70	100	80

Sumber : Chua Yuan Paw (2011)

Soalan dalam soal selidik ini menggunakan prinsip mengamalkan soalan yang ringkas dan mudah difahami. Borang soal selidik ini dibina dan dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu bahagian A, B, C, dan D bagi memudahkan masyarakat setempat memahami soalan secara jelas. Pada bahagian A mengenai demografi responden seperti jantina, umur, status, bangsa, tahap pendidikan dan pekerjaan. Bahagian B pula mengenai tentang sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Bahagian C mengenai usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah dan bahagian D mengenai tahap penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Warisan Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.

## ii. Persampelan

Kaedah persampelan yang digunakan adalah sampel data dari soal selidik dalam mencari keseluruhan populasi responden. Menurut Mohd. Najib (1999), persampelan adalah keadaan pengkaji memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi. Maklumat dan data yang diperoleh dan dikumpul akan ditentukan oleh populasi untuk dianalisiskan. Populasi juga menentukan masa, tenaga dan kewangan yang akan digunakan dalam meneruskan penyelidikan ini. Pengkaji menggunakan kaedah persampelan secara rawak mudah untuk mendapatkan data soal selidik yang diedarkan menerusi dalam talian. Sampel kajian adalah terdiri daripada penduduk setempat yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat yang tinggal di Kedah. Responden tersebut merupakan sebahagian daripada penduduk sekitar lokasi kajian untuk menjawab soal selidik yang diedarkan dengan menggunakan jadual saiz sampel Krejcie & Morgan (1970) yang memudahkan lagi pengkaji dalam kajian yang dijalankan.

### **3.3 KAEDAH ANALISIS DATA**

Menurut Bogdan dalam Sugiyono (2009), analisis data merupakan salah satu proses mencari dan menyusun data yang diperoleh melalui hasil temu bual, soal selidik dan sebagainya secara sistematik sehingga difahami dan diinformasikan kepada orang lain. Kaedah analisis data ini dapat mengukuhkan lagi hasil dapatan kajian dalam memproseskan analisis data. Data yang diperoleh akan dianalisis secara berperingkat. Data yang diperoleh dapat membantu pengkaji menyiapkan kajian ini. Analisis data juga mudah difahami dan berguna untuk menyelesaikan sesuatu masalah, terutamanya

dalam penitian sesuatu kajian yang dilakukan. Kaedah ini merupakan proses yang dilakukan untuk mengubah data hasil diperoleh kepada informasi yang terbaru. Kaedah ini dikumpulkan dan digunakan dalam menyimpulkan kajian yang diperoleh dalam satu kertas kerja.

### **3.3.1 Kualitatif**

Menurut Azizah Hamzah (2010) analisis data kualitatif tidak tertumpu pengutipan maklumat yang banyak. Namun, kaedah ini membantu untuk memperoleh data dan maklumat yang berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil. Analisis data temubual diproses dalam bentuk transkripsi dan dianalisis untuk merekodkan dalam data yang dikehendaki objektif. Penyelidik akan menganalisis jawapan yang diterima responden semasa sesi temu bual dijalankan. Sekiranya jawapan tidak memuaskan, penyelidik akan meneruskan sesi soal jawab dengan responden sehingga jawapan yang diterima mempunyai kait rapat dengan objektif kajian.

Kandungan sumber sekunder turut dianalisis terlebih dahulu sebelum memulakan kaedah yang lain. Penyelidikan kualitatif telah melakukan analisis data berteraskan sumber sekunder sebelum pengkaji meneruskan kajian lapangan. Analisis ini dilakukan terhadap data dari kajian awal yang akan digunakan untuk menentukan fokus penelitian kajian.

### **3.3.2 Kuantitatif**

Maklumat dan data yang diperolehi dianalisis secara kuantitatif. Kaedah penganalisisan data ini dilakukan dengan menggunakan kaedah ‘Google Form’ secara atas talian dengan mengedarkan pautan soal selidik kepada masyarakat lain. Data kuantitatif yang dikumpul hasil borang soal selidik daripada responden. Setelah semua data dikumpulkan, pengkaji akan mengkaji data mengikut soalan kajian. Penganalisisan data mentah memerlukan penelitian yang terperinci bagi memastikan hasil kajian dapat dibuktikan kesahihannya. Kajian ini menggunakan set soalan soal selidik berbentuk pilihan jawapan yang akan diisi oleh responden mengenai kajian penglibatan komuniti terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.

Analisis dapatan data bagi kajian ini melibatkan pendekatan kuantitatif yang memperoleh data-data dan dipaparkan ke dalam bentuk statistik deskriptif melalui bentuk peratusan. Borang selidik diedarkan dalam bentuk ‘Google Form’. Sampel Kajian seramai 186 orang berdasarkan kiraan statistik penduduk di sekitar Masjid Pangkalan Kakap, Merbok Kedah melalui rujukan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Kajian ini adalah untuk mengukuhkan lagi maklumat kajian dan memudahkan lagi proses penganalisisan data dilaksanakan. Formula yang digunakan ialah jumlah skor jawapan pilihan dibahagikan dengan responden dan didarabkan dengan nilai seratus bagi mendapatkan angka peratusan seperti berikut:

$$\frac{\text{Peratusan} = \text{Jumlah Skor Jawapan Pilihan}}{\text{Jumlah Responden}} \times 100$$

Data dianalisiskan bagi memperoleh data tentang penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Warisan Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, data yang dianalisis dapat menyokong maklumat sedia ada dengan lebih kukuh. Sehubungan dengan itu, pendekatan kualitatif juga merupakan salah satu cara menganalisis data yang dapat memberikan penjelasan yang lebih berkualiti disusuli oleh fakta atau bukti yang diperoleh dalam kajian. Analisis data dipermudahkan lagi dengan berpandukan kepada persoalan kajian dan objektif kajian, maka analisis data dilaksanakan mengikut dasar objektif yang telah dirangka dalam kajian.

### **3.4 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN**

Menurut Mohd Majid Konting (2005), kesahan merupakan sesuatu alat pengukuran yang merujuk sejauhmanakah item itu mengukur data yang sepatutnya dibina untuk diukur. Kebolehpercayaan menurut Sekaran (1992) adalah merujuk kepada ketekalan dalaman sesuatu instrumen dalam mengukurkan sesuatu konsep. Othman (2007) kebolehpercayaan adalah dapatan kajian yang boleh dilakukan semula untuk mendapatkan hasil keputusan yang sahih. Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2018) mengatakan kesahan dan kebolehkepercayaan ini dikemukakan oleh pakar-pakar penyelidikan sebagai keperluan dalam memastikan matkamat kajian lebih berkualiti. Kesahan dan kebolehpercayaan ini dapat memberikan bukti yang lebih jelas tentang perjalanan atau usaha pengkaji dalam menentukan kajian penglibatan komuniti dalam memulihara dan memelihara Masjid Pangkalan Kakap. Merbok, Kedah.

### 3.4.1 Kesahan Soal Selidik (kuantitatif)

Kesahan juga dimaksudkan dalam persetujuan antara mengukur data yang sama dengan kaedah yang berlainan secara maksimum. Dalam kaedah soal selidik, pengkaji menggunakan jenis soalan dengan melalui teknik *Criterion-Related Evidence* untuk mengumpulkan bukti. Dalam teknik ini terdapat tiga peringkat untuk mengesahkan hasil soal selidik iaitu *Content-Related Evidence of Validity* (ketepatan kandungan), *Criterion-Related Evidence of Validity* (perhubungan antara skor) dan *Construct-Related Evidence of Validity* (darjah pembuktian yang diperolehi). Ketiga-tiga teknik ini diguna pakai untuk mengesahkan instrumen kajian. Hal ini kerana menurut Aminudin Baki (2013) soal selidik dan soalan temu bual yang dibina oleh seseorang pengkaji perlu diuji kesahan kandungannya terlebih dahulu. Dalam kajian penglibatan komuniti terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah menggunakan khidmat seorang pakar dalam kepimpinan soal selidik kajian ini. Perkara ini dilakukan untuk mendapatkan teguran kesalahan sekiranya mempunyai kesalahan untuk memantapkan lagi bahasa dan kandungan soal selidik yang akan digunakan. Kesahan sesuatu instrumen dapat dilihat melalui nilai korelasi dengan jumlah skor.

### 3.4.2 Kebolehpercayaan Soal Selidik (kuantitatif)

Kebolehpercayaan merupakan dapatan kajian yang menghasilkan keputusan yang sama. Menurut Campbell dan Fiske (1959) reliabiliti bermaksud

persetujuan antara dua usaha untuk mengukurkan sifat yang sama melalui kaedah yang sama. Konsep reliabiliti ini digunakan dalam kaedah kuantitatif dimana soal selidik yang dicipta digunakan untuk menguji kelompok masyarakat. Data kuantitatif soal selidik dianalisiskan untuk menentukan tahap persetujuan oleh pakar penilai. Pengkaji meminta seorang pakar menilai soal selidik sebagai penguat bukti yang boleh diguna pakai. Kebiasaannya instrumen soal selidik yang dibina oleh pengkaji adalah untuk memenuhi kehendak persoalan kajian dan objektif kajian untuk pengumpulan data dalam sesuatu kajian. Dalam kajian ini, soal selidik akan dicipta sendiri tanpa mengambil soalan yang sedia ada. Pengkaji juga digalakkan menguji soalan soal selidik ini sesuai atau tidak agar ia tampak lebih relevan untuk diguna pakai sebagai data. Sejumlah sampel melalui responden akan diambil bertujuan mengkaji data yang diperoleh.

Kesahan dan kebolehpercayaan dalam soal selidik sangat penting untuk mempertahankan julat skor dan data yang diperoleh bagi mengelak berlakunya kecacatan data. Penyelidik akan merujuk kepada pakar untuk menyemak semula bentuk soal selidik yang digunakan untuk menghasilkan kajian ini lebih berkualiti.

### 3.4.3 Kesahana Temu Bual (kualitatif)

Mc Call & Simmons (1969) menyatakan data kualitatif yang dikutip terutamanya temu bual memerlukan kesahan data. Pendekatan yang digunakan penyelidik penggunaan sesi temu bual untuk mencapai maklumat kajian .

Selain itu, kesahan temu bual ini menemu bual individu yang memiliki maklumat pengetahuan yang tinggi terhadap kajian pengkaji. Pengkaji akan menemu bual informan yang berbeza lokasi asalkan ciri dan sifatnya yang sama.

#### **3.4.4 Kebolehpercayaan Temu Bual (kualitatif)**

Kebolehpercayaan merupakan ukuran untuk menilai keputusan jawapan yang diterima oleh responden secara maksimum. Data yang dikutip penyelidik untuk melakukan proses pengkodan data melalui transkripsi temu bual. Kebolehpercayaan temu bual melibatkan beberapa bentuk rakaman iaitu rakaman video dan juga rakaman suara. Rakaman ini dilakukan pengkaji sekiranya pengkaji sudah mendapat keizinan dari responden. Rakaman video dilakukan bertujuan melihat ekspresi responden dan jawapan yang diberi oleh responden. Selain itu, rakaman suara ini adalah untuk menyokong jawapan yang diterima sebagai bukti. Rakaman suara akan ditranskrip dalam bentuk data supaya data dalam butir suara rakaman disalankan dalam nota yang lain. Apabila teks transkrip selesai disalin, penyelidik menyerahkan salinan tersebut kepada responden untuk membaca semula isi jawapan sesi temu bual itu sama ada betul atau tidak (*re-interview and repeated interview*). Responden akan membetulkan kesalahan yang terdapat dalam nota tersebut sekiranya ada catatan yang salah. Penyelidik juga perlu menyediakan ruang untuk responden menandatangani pada kertas catatan tersebut. Pembetulan yang dilakukan merupakan kesahan dan kepercayaan dalam data temu bual yang dijalankan.

### 3.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini menghuraikan tentang metodologi kajian dan kaedah analisis yang digunakan dalam kajian secara menyeluruh. Perbincangan dalam bab ini merangkumi proses pengumpulan data, kaedah analisis data serta kesahan dan kebolehpercayaan yang akan dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Metodologi kajian merupakan salah satu kaedah kajian yang boleh digunakan bagi mendapatkan suatu maklumat dengan lebih terperinci dan sahih berdasarkan aspek kajian yang dikaji. Ia juga membantu pengkaji mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam. Oleh itu, metodologi kajian yang digunakan sedikit sebanyak membantu kajian berkaitan penglibatan komuniti terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan dalam Masjid Warisan Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui soal selidik dan menganalisis dokumen serta kajian kepustakaan. Kesemua data dan maklumat yang diperolehi dianalisis bagi menjawab semua persoalan kajian dan juga hasil diakhir kajian ini. Data yang diperolehi dianalisis dahulu menggunakan kaedah deskriptif statistik.

## BAB IV

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian iaitu analisis hasil temu bual tiga orang responden mengenai Masjid Pangkalan Kakap Merbok Kedah. Tiga orang responden ini terdiri daripada Pengarah Jabatan Warisan Negara zon utara (JWN), Qariah Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah dan seorang pensyarah konservasi yang merupakan bekas kakitangan JWN. Data temu bual dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis transkrip iaitu mengubah bentuk rakaman ke dalam bentuk teks menerusi pendekatan analisis tematik.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneroka sejarah pembinaan masjid dan menghurai usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah serta menganalisis penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. *Model A Ladder Of Citizen Participation* (Arnstein 1969) juga turut dibincangkan dalam setiap analisis yang diperoleh bagi membincangkan penglibatan komuniti setempat. Data yang diperoleh menerusi kaedah soal selidik diproses untuk mendapatkan statistik seperti kekerapan dan peratusan yang diterjemahkan dalam bentuk jadual. Soalan soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C, dan D. Bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden. Antaranya ialah

jantina, umur, bangsa, taraf pendidikan dan pekerjaan. Bahagian B mengandungi soalan pengetahuan mengenai sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok Kedah. Bahagian C pula mengandungi soalan yang berkaitan dengan usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok Kedah. Akhir sekali bahagian D merangkumi soalan berkaitan tahap penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah.

#### **4.2 ANALISIS DAPATAN TEMU BUAL RESPONDEN**

Seperti yang telah diperjelaskan pada awal bab ini, pakar bidang ditemu bual untuk mendapatkan maklumat dan bukti yang sahih mengenai sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah dan penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Analisis ini dibahagikan kepada 3 tema iaitu sejarah pembinaan, usaha pemeliharaan dan pemuliharaan serta penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Pendapat, pandangan dan pengalaman dari responden ini dikelaskan dalam tema-tema dan sub-sub tema yang dibentuk bagi tujuan analisis responden. Sehubungan itu, responden yang ditemu bual juga diberikan kod mengikut bidang kepakaran masing-masing. Selain itu, kod juga digunakan bagi melabel tema-tema yang dibentuk dalam analisis temu bual ini seperti jadual berikut:

Jadual 4.1 : Kod responden dan pandangannya

Kod	Huraian
JWN	Jabatan Warisan Negara
KM	Kariah Masjid
PK	Pensyarah Konservasi

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Kaedah temu bual telah dilaksanakan ke atas tiga orang responden yang terdiri daripada pakar bidang yang mempunyai pengalaman yang begitu mendalam terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Kesemua responden yang dipilih ini berbangsa Melayu, beragama Islam, berumur 43 tahun hingga 53 tahun dan berpengetahuan tentang perkembangan mengenai masjid tersebut. Responden ini terdiri daripada salah satunya adalah daripada pegawai Jabatan Warisan Negara (JWN) Zon Utara, Kariah Masjid manakala seorang lagi merupakan bekas kakitangan JWN yang kini bertugas sebagai pensyarah bidang konservasi.

Jadual 4.2: Profil responden berdasarkan jantina, bangsa, kelulusan dan pengalaman

Profil Responden	R1-JWN	R2-KM	R3-PK
<b>Jantina</b>			
Lelaki	/	/	/
<b>Bangsa</b>			
Melayu	/	/	/
<b>Kelulusan</b>			
STPM/STA/Diploma		/	

Sarjanamuda /

Sarjana /

### **Pengalaman**

6 Tahun /

Lebih dari 10 Tahun / /

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Jadual 4.3: Senarai tema dan sub tema temu bual

No.	Tema	Sub Tema
A.	Sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.	A1. Bermula sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. A2. Masjid ini dibina sewaktu Islam sedang berkembang di Merbok, Kedah.
B.	Usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.	B1. Pihak JWN terlibat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini. B2. Aktiviti pengurusan warisan yang telah dilakukan oleh pihak JWN. B3. Pendekatan pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan terhadap bangunan warisan. B4. Pengalaman dalam proses pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini.
C.	Penglibatan komuniti dalam	C1. Masyarakat setempat terlibat dalam

pemuliharaan dan pemeliharaaan pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid  
 Masjid Pangkalan Kakap, Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.  
 Merbok, Kedah.

C2. Masjid ini dibuka semula dan menjadi salah satu tempat tarikan pelancong.

---

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Jadual 4.4 : Ringkasan kekerapan hasil analisis temu bual

No.	Tema	Sub Tema	R1- JWN	R2-KM	R3-PK
A.	Sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.	A1. Bermula sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.  A2. Masjid ini dibina sewaktu Islam sedang berkembang di Merbok, Kedah.	1	u	u
B.	Usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dan pemuliharaan pemeliharaan Masjid masjid ini. Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah	B1. Pihak JWN terlibat dalam aktiviti pengurusan warisan yang telah dilakukan oleh pihak JWN.  B2. Aktiviti pengurusan warisan yang dilakukan	1	1	1
		B3. Pendekatan pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan	1	1	1

		terhadap bangunan warisan.				
	B4.	Pengalaman dalam proses pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini.	1	1	1	
C.	Penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.	C1. Masyarakat setempat terlibat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.	1	1	1	
		C2. Masjid ini dibuka semula dan menjadi salah satu tempat tarikan pelancong.	1	1	1	

1= 1 kali ; u= ulangan/ sama maksud

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

### **4.3 ANALISIS SEJARAH PEMBINAAN MASJID PANGKALAN KAKAP, MERBOK, KEDAH**

Hasil analisis tematik menemukan kaedah temu bual bagi tema pertama ini yang diperoleh daripada dua pecahan sub tema iaitu bermula sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah dan masjid ini dibina sewaktu Islam sedang berkembang di Merbok, Kedah. Hasil temu bual bersama responden kajian adalah seperti berikut :

#### **4.3.1 Sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah**

Analisis tema ini merangkumi ulasan responden mengenai sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah. Kesemua responden berpendapat bahawa binaannya pada kurun ke 18. Pembinaannya oleh seorang tukang kayu yang dikenali sebagai Tok Man atas rancangan Penghulu Hj Mat Salleh. Sejarahnya bermula datangnya pedagang-pedagang dari luar yang berdagang pada waktu.:

*Sejarah apa yang saya dapat daripada orang kampung. Pada kurun ke 18 atau ke 19 macam tu, pembinaannya dimulakan dan dirancang oleh Penghulu Hj Mat Saleh. Tukang kayu dikenali sebagai Tok Man Tukang. Seni bina yang digunakan lebih kurang seni bina Nusantara dan difahamkan juga laluan daripada pembinaan tersebut menggunakan Sungai Merbok Kecil di sebelahnya. Jadi dikatakan sejarahnya orang daripada sebelah Acheh datang ke situ berdagang dan lama-kelamaan di situ dibinakan masjid. Itu pada kurun ke 18 19 berkenaan dengan kawasan Merbok Kecil tu. Itu dikatakan orang luar yang datang ke situ bagi kawasan pengangkutan untuk singgah di kawasan tersebut. Kalau nak diceritakan lagi Sultan Abdul Hamid Halim Shah sultan kedah yang ke 25 dikatakan akan datang ke situ untuk sembahyang dan datang berehat di masjid tersebut kalau baginda ke selatan negeri Kedah pada masa tu.*

(R1-JWN)

*Sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap daripada orang tua-tua dan buku dia mengikut sejarahnya bermula daripada pedagang-pedagang Islam dahulu dan ada setengah menyatakan daripada hulubalang-hulubalang dahulu, daripada pejuang-pejuang dahulu yang mana daripada Tanjung Dawai ada aliran sungai yang luas yang mana pedagang-pedagang masuk berteduh di sini. Di situ lah dijadikan Masjid Pangkalan Kakap. Masjid ini dikatakan sering didatangi Sultan Kedah yang ke 25 iaitu Sultan Abdul Hamid. Berdasarkan daripada sejarah kunjungan Sultan Salahudin dan kerabat-kerabat Diraja Kedah datang ke sini. Pembinaan Masjid Lama Pangkalan Kakap bermula dengan pedagang-pedagang Islam Timur Tengah daripada Arab, Yaman dan sebagainya. Tukang yang membina masjid tu bernama Tok Man dibawah senggaraan Penghulu pada waktu itu yang bernama Hj Mat Saleh.*

(R2-KM)

*Berkenaan sejarah ini. Saya bukanlah bidang kajian sejarah, tetapi sebelum kerja-kerja conservation ni kita buat. Kita ada melihat apa yang orang lain telah kaji, sebagai maklumat yang sangat umum. Kalau ikutkan sejarahnya dikatakan masjid ni dibina pada kurun ke 18*

oleh seorang tukang kayu yang dikenali sebagai Tok Man tukang dan ada seorang lagi yang terlibat yang mengelola dan membuat perancangan masjid ni iaitu Penghulu Hj Mat Salleh. Ini apa yang saya baca oleh pengkaji orang-orang terdahulu. Pada masa tu masjid ni di anggap pentinglah di kawasan Merbok, Tanjung Dawai, Lembah Bujang, Semeling, Bedong. Ia dulu dikatakan sebagai tempat persinggahan para pedagang Islam terutamanya daripada Aceh. Dan salah satu dikatakan kenapa ia penting sebab Sultan Abdul Hamid iaitu Sultan yang ke 25 dikatakan sering datang ke situ apabila baginda membuat lawatan ke daerah Kuala Muda. malah ada 1 tiang dalam masjid tersebut adalah tempat baginda suka untuk bersandar. Kalau baginda datang situ dia akan bersandar pada 1 tiang untuk berehat sewaktu lawatan. Dalam tengah masjid tu ada 4 tiang. Masjid ni ada kaitan dengan sultan, pedagang. Kiranya masjid ni masjid yang tertua dan mempunyai nilai warisan yang tinggi.

(R3-PK)

Secara ringkasnya, ketiga-tiga responden memberikan jawapan yang sama mengenai sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Hal ini terbukti sejarah pembinaannya oleh seorang tukang kayu atas arahan Penghulu Hj Mat Saleh pada kurun ke 18.

Selain itu, hasil analisis responden juga menemukan fakta bahawa masjid dibina sewaktu Islam sedang berkembang di Merbok, Kedah. Ketiga-tiga responden yang dipilih ini mengatakan bahawa binaan masjid ini sememangnya Islam sudah berkembang di Merbok, Kedah. Kenyataan ini seperti yang dijelaskan oleh responden berikut:

*Ya dipercayai berkembang pada kurun 18 atau 19. Masa tu pedagang-pedagang luar singgah solat di masjid tersebut.*

(R1-JWN)

*Masjid ini dibina pada zaman kebangkitan Islam di Merbok. Dan apabila dikaji balik ianya sama waktu dengan kerajaan Uthmaniyah yang sama naik dalam perkembangan Islam. Dikatakan juga lebih lama dari zaman Melaka dahulu.*

(R2-KM)

*Secara logiknya ia dibina setelah Islam berkembang di Merbok Kedah. Saya pun tidak tahu tarikh sebenarnya Islam berkembang disitu tapi pada abad ke 18 saya percaya Islam banyak berkembang di banyak kawasan Tanah Melayu pada masa tu.*

(R3-PK)

Kesemua responden berpendapat bahawa Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah dibina sewaktu Islam berkembang iaitu sekitar kurun ke 18.

#### **4.4 ANALISIS USAHA-USAHA PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN MASJID PANGKALAN KAKAP, MERBOK, KEDAH**

Analisis temu bual bagi tema pertama ini diperoleh daripada empat pecahan sub tema iaitu pihak JWN terlibat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini, aktiviti pengurusan warisan yang telah dilakukan oleh pihak JWN, pendekatan pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan terhadap bangunan warisan dan pengalaman dalam proses pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini. Hasil temu bual bersama responden kajian adalah seperti berikut :

##### **4.4.1 Penglibatan JWN dalam pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini**

Analisis sub tema ini merangkumi ulasan responden mengenai Pihak JWN terlibat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini. Dalam sub tema ini, responden didapati mempunyai tanggapan yang berbeza tahun dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan oleh Jabatan Warisan Negara. Kesemua responden menjelaskan bahawa pentingnya untuk mengekalkan nilai warisan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok,

Kedah ini. Kenyataan ini dapat dilihat seperti berikut:

*Dari segi pemeliharaan dan pemuliharaan kita ambil dari 2 perkara. Yang pertama kita jalankan kerja konservasi di bangunan tersebut pada tahun 2016. Konservasi pertama dilakukan pada 1995 oleh Jabatan Antikuiti pada masa tersebut tapi setelah bangunan tersebut tidak digunakan keadaannya jadi semakin lama semakin rosak. Pada tahun 2016 kita jalankan semula kerja-kerja konservasi pada bangunan tersebut. Pada perkara yang kedua melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) kita berusaha untuk minta keizinan daripada kerajaan negeri untuk mewartakan masjid tersebut tapi hingga kini kita masih lagi tidak mendapat keizinan daripada pihak berkuasa negeri.*

(R1-JWN)

*Jabatan Warisan pertama kali pada tahun 1994 lakukan baik pulih dia. Kemudian pada tahun 2014 tak silap saya, saya masih ada lagi masa tu dan saya melihat proses pemuliharaan dia tu dengan tukar bumbung, mengecat lain dan apa semua dengan tidak menghilangkan benda asas yang lama tu. Jadi pada tahun 2014 diambil oleh Jabatan Warisan Negara, dan ada yang katakan JWN dah ambil 2 kali dah. Pertama tahun 1994 diambil oleh Jabatan Muzium Antikuiti. Kemudian JWN pada tahun 2000 dan 2014 tak silap saya. Yang saya pasti pada tahun 2014 diambil oleh JWN sendiri. Kos belanja baiki masjid itu hampir RM200, 000. Last sekali saya bubuh kipas, bubuh lampu untuk memudahkan pelancong-pelancong lah. Bumbung dia cari di Terengganu. 2014 dibaik pulih, 2017 saya pernah guna dalam masa 7 bulan setelah masjid baru iaitu Masjid Abd Rahman Pangkalan Kakap di baikpulih. Apa yang saya dengaq cerita dari orang tua-tua yang dah meninggal. Masjid Lama Pangkalan Kakap tersebut depa panggil Masjid Batu atau Masjid Lama Pangkalan Kakap.*

(R2-KM)

*Saya sekarang bukan lagi dengan JWN tapi sewaktu saya terlibat dengan projek ni saya adalah staff di JWN. Seingat saya Masjid Pangkalan Kakap ni sewaktu kerja-kerja pemuliharaan ataupun konservasi pada fasa yang terakhir, waktu tu masjid tidak diwartakan pun lagi. Di negeri Kedah antara negeri yang bilangan tapak warisannya yang sangat sedikit yang diwartakan. Walaupun masjid Pangkalan Kakap ni masjid yang penting tapi sayangnya dia tidak diwartakan. Walaupun tidak diwartakan lagi, bukanlah JWN tidak megendah, sebab ia pun telah dimasukkan dalam eventri. Dalam eventri ni maksudnya dalam pemerhatian Jabatan untuk di angkat dan diwartakan cuma proses pewartaan tu memerlukan kelulusan dari pihak negeri dan perkara itulah menjadi penghalang kepada pewartaan. Namun begitu, banyak pihak yang bagi perhatian pada masjid ni. Saya teringat cerita asal kenapa kita pulihara masjid ni, sebab masjid ini pada waktu tu agak terbiar dimana bumbung bocor,*

*berlubang. Namun begitu ada individu-individu yang rasa sayang pada masjid ni dan mereka cuba memelihara dengan cara mereka. Mereka nak buka genting digantikan dengan nepel back bahan kemasan yang lain supaya tak bocor. Tetapi maklumat-maklumat tersebut telah dikesan oleh JWN Zon Utara pada masa tu. JWN zon utara menghantar laporan kepada induk HQ beritahu tentang adanya usaha-usaha untuk memelihara tapi dengan cara yang tak betul. Ia menjadi tanggungjawab pihak jabatan juga membantu untuk pastikan khazanah ni selamat. Dari situ lah kita dapat bajet atau peruntukan dana untuk kita buat kerja-kerja pemuliharaan. JWN pada asalnya, walaupun ia tidak diwartakan tetapi pihak jabatan masih mengambil kira kepentingan warisan kepada negara dan masyarakat.*

(R3-PK)

Ketiga-tiga responden didapati mempunyai tanggapan yang berbeza tahun dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan oleh Jabatan Warisan Negara. Namun begitu, maklumat mengenai Jabatan Warisan Negara (JWN) dalam pemeliharaan dan pemuliharaannya sangat mementingkan warisan masjid tersebut. Kesemua responden menjelaskan bahawa pentingnya untuk mengelakkan nilai warisan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah ini.

#### **4.4.2 Aktiviti pengurusan warisan yang telah dilakukan oleh pihak JWN.**

Sub tema ini menerangkan aktiviti pengurusan warisan yang telah dilakukan oleh pihak JWN. Hasil dari temu bual, pengkaji mendapati ketiga-tiga responden mempunyai tanggapan yang seakan sama. Ini dapat dilihat dalam kenyataan seperti berikut:

*Aktiviti yang pertama seperti yang saya cakap kerja memulihara iaitu konservasi dan yang kedua kita menjalankan kerja-kerja dari segi akta sekiranya telah diwartakan. Bagaimanapun ia tidak diwartakan pun lagi. Jadi tempoh pelaksanaan sangat sukar untuk diwartakan. Hal yang kedua kita selalu bekerjasama dengan pihak masjid. Sekiranya ada sebarang lawatan seperti pelajar yang berminat kita akan menghubungi pihak masjid sebab sebelum tu sebenarnya masjid*

*tersebut sentiasa dibuka kepada orang ramai. Tetapi bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini masjid tersebut terpaksa ditutup semula.*

(R1-JWN)

*JWN seringkali dok mai melawat dan tinjauan. Sejak Perintah Kawalan Pergerakan inilah menjadi kekangan untuk mereka hadir tengok masjid. Tetapi pihak JWN sering contact melalui telefon saya masalah yang dihadapi oleh masjid. Sekarang bumbung tu ada bocor balik pelepas nyiur jatuh atas bumbung masjid dan pecah sebab bumbung dia daripada tanah liat. Bukan zink atau atap genting.*

(R2-KM)

*Bila masjid ini tidak diwartakan pada dasarnya pihak jabatan tidak ada kuasa yang khusus atau tidak ada direct monitoring sebab benda tu tidak termasuk dalam tapak warisan. Namun begitu apa yang dilakukan oleh JWN mengikut kafahaman saya mereka sentiasa membentuk kerjasama dengan pihak berkuasa negeri. Maksudnya macam cuba memberikan kesedaran, sebab pengurusan is very general term, boleh dijadikan dalam bentuk yang spesifik. Jabatan warisan sebab mereka tidak ada kuasa ke atas masjid itu, mereka tidak ada pengurusan yang direct ke atas masjid. Tetapi apa yang mereka lakukan adalah pemantauan. Mereka perlu tahu perkembangan apa yang berlaku ke atas masjid supaya mereka boleh memberi maklum balas atau nasihat kepada pihak berkuasa tadi.*

(R3-PK)

Menurut pendapat responden 1 menyatakan pihak JWN berusaha keras untuk mewartakan masjid ini. Namun sehingga kini masih belum diwartakan lagi. Responden kedua pula menyatakan bahawa pihak JWN seringkali membuat tinjaun terhadap masjid ini dalam hal pemeliharaan dan pemuliharaan. Manakala responden yang ketiga menyatakan pihak JWN sentiasa bekerjasama dengan dengan melakukan pemantauan terhadap masjid tersebut. Hal ini jelaslah bahawa pihak JWN mengambil berat keadaan masjid tersebut kerana masjid ini mempunyai nilai yang sangat tinggi.

#### **4.4.3 Pendekatan pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan terhadap bangunan warisan.**

Tema ini merangkumi ulasan responden mengenai pendekatan pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan terhadap bangunan warisan. Ketiga-tiga responden yang dipilih menjelaskan pendekatan yang telah dilakukan dalam memulihara dan memelihara masjid tersebut. Hal ini dapat dilihat seperti kenyataan berikut:

*Menjalankan kerja-kerja konservasi . Yang pertama kita jalankan kerja konservasi pada masjid tersebut pada tahun 2016. Konservasi pertama dilakukan pada 1995 oleh Jabatan Antikuiti dan kali kedua pada tahun 2016. Untuk terus diajaga pihak JWN minta keizinan daripada kerajaan negeri untuk mewartakan masjid tersebut tapi hingga kini kita masih lagi tidak mendapat keizinan daripada pihak berkuasa negeri.*

(R1-JWN)

*Saya bagi pihak masjid amat berharap JWN untuk buat semula segala kerosakan dan sentiasa di update balik. Buat masa sekarang kami hanya cuci, basuh, buang segala najis cicak, burung dan sebagainya. Sebab kami tak guna masjid tu akibat daripada pelepas nyiur jatuh atas bumbung dan pecah. Dulu saya dok guna masjid tu waktu zuhur dan asar. Saya bawa semua jemaah pi sembahyang di situ. 3 waktu di masjid baru dan 2 waktu di masjid Pangkalan Kakap.*

(R2-KM)

*Pembaikpulihan atau restoration. Kita cubakekalkan fungsi dia sebagai masjid. Kita cubakekalkan dan menjaga nilai keaslian dia dalam bentuk material dan juga bentuk seni binanya, kerja pertukangan. Jadi kami tengok dan menitikberatkan penggunaan bahan contohnya dari segi penggunaan genting bumbung. Genting bumbung menggunakan vetile dimana bumbung ini memang susah nak dapatkan sekarang. Demi menjaga keasliannya kita mencari dan beli daripada rumah-rumah lama yang menggunakan vetile dan pasangkan pada masjid pangkalan kakap. Plaster dinding tu biasanya menggunakan plaster kapur. Kita produces balik kegunaan lime plaster bagi menjaga keaslian masjid tersebut.*

(R3-PK)

Menurut pendapat responden kedua masjid itu digunakan solat zuhur dan asar dan pihak kariah masjid hanya mampu menjaga kebersihan sahaja

dari najis-najis binatang. Beliau berharap bumbung masjid itu dibaiki semula. Responden pertama menceritakan prosedur pewartaan yang dilakukan terhadap masjid tersebut untuk diwarta. Manakala responden ketiga menceritakan pendekatan yang dilakukan dalam pemuliharaan masjid tersebut dengan menggunakan elemen tertentu seperti kapur yang tidak mengubah keaslian Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.

#### **4.4.4 Pengalaman dalam memelihara dan memulihara masjid ini**

Hasil temu bual mendapati ketiga-tiga responden mempunyai pengalaman masing-masing dalam proses pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ini. Hal ini dapat dilihat dalam kenyataan berikut:

*Pada 2016 kerja-kerja konservasi saya tak terlibat tapi beberapa kegiatan seperti lawatan daripada pihak timbalan menteri MOTAC pada waktu tu memang saya pernah terlibat dan pihak kariah masjid bekerjasama. Dan beberapa aktiviti seperti Jejak Warisan yang pernah kita anjurkan pun kita bawa pelajar ke tapak warisan tersebut.*

(R1-JWN)

*Menaiktaraf masjid tu boleh saya katakan pada tahun 2014 ja lah. Saya tengok bagaimana kerja mereka lakukan. Mereka bawa turun bumbung kemudian mereka tukar kayu yang letak atap. Mereka buat kerja begitu teliti. Setiap hari saya akan tengok mereka buat kerja ini sangat cekap atas kelolaan JWN. Pada masa itu saya bukan Imam lagi. Saya hanya sebagai AJK masjid sahaja pada ketika itu.*

(R2-KM)

*Pengalaman tu memang banyak. I adalah pengalaman yang saya rasa penting adalah kita memahami dari segi masalah yang dihadapi oleh masjid. Sebenarnya masjid itu dari segi strukturnya dalam keadaan yang kukuh lagi. Cuma dari segi kemasan contohnya genting bumbungnya pecah, ada kayu struktur bumbungnya patah reput, kemudian dindingnya banyak tahi atau najis binatang sebab dah terbiar lama tak digunakan. Dan masalah-masalah yang tidak kritikal sangat lah. Tapi kesan masjid tu adalah terbiar dan tak digunakan. Jadi bila mana kita nak buat kerja-kerja pemuliharaan, kita tidak boleh belanjakan duit semata-mata untuk pulihara supaya ia baik*

*tetapi kita biarkan. Jadi apa yang kita pikir adalah pentingnya ada penggunaan selepas itu. Sebab itu strategi yang penting yang saya lakukan pada masa tu adalah kita bekerjasama dengan masyarakat setempat. Sebab terutamanya sebelahnya ada masjid yang baru yang lebih besar. Jadi kita nak mereka cuba juga memanfaatkan Masjid Pangkalan Kakap supaya tak terbiar. Jadi pada masa tu kita mengadakan mesyuarat. Mereka juga suka kita pelihara masjid tu sebab mereka pun dikatakan ada kesedaran masjid lama masjid bersejarah tetapi mereka tidak tahu apa yang mereka patut buat. Jadi pada masa tu persetujuannya adalah apabila masjid ini telah pun dipulihara. Kita cuba minta mengimarahkan, contohnya menggunakan masjid tu untuk kelas tertentu ataupun selang sela waktu solat berjemaah kalau tak ramai kita cadangkan guna ja Masjid Pangkalan Kakap, kalau ramai baru pakai masjid yang besar tu. di peringkat awal kita nampak mereka boleh lakukan, malah mereka kata selesa sebab masjid tu sejuk kat dalam sebab pakai lime, so ambience dalam tu memang selesa. Tetapi saya tak tahu keadaan dia sekarang. Saya nak kongsikan pengalaman saya conservation tak boleh nak syok sendiri lah, kita perlu ada kerjasama daripada orang lain supaya mereka juga perlu sama-sama menjaga. Conservation is not technical work tapi dia bersifat management maksudnya kita sapu-sapu, kemas-kemaskan, buang najis cicak, buat maintenance yang simple-simple pun is part conservation. Itulah pengalaman tak seberapa saya.*

(R3-PK)

Secara ringkasnya, responden pertama tidak pernah terlibat dengan kerja-kerja konservasi terhadap masjid ini. Namun beliau pernah terlibat dengan Jejak Warisan iaitu aktiviti membawa pelajar melawat Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Responden kedua dan ketiga mempunyai pengalaman dalam sertai kerja-kerja pemuliharaan masjid ini.

#### **4.5 ANALISIS PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN MASJID PANGKALAN KAKAP, MERBOK, KEDAH**

Analisis temu bual bagi tema analisis penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah ini diperoleh daripada dua pecahan sub tema iaitu masyarakat setempat terlibat

dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah dan masjid ini dibuka semula dan menjadi salah satu tempat tarikan pelancong.

#### **4.5.1 Masyarakat setempat terlibat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.**

Hasil temu bual mendapati responden memahami pernyataan ini iaitu masyarakat perlu terlibat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini. Oleh itu, ketiga-tiga responden ini telah menyatakan ‘ya’ dan salah seorang daripada responden tersebut memberikan respon yang menyokong sepenuhnya masyarakat setempat penting dalam melibatkan diri dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Kenyataan ini seperti petikan temu bual berikut:

*Perkara ini sangatlah diperlukan. Terutamanya dari pihak kariah masjid itu sendiri. Sebab kita maklum kita serahkan balik masjid tersebut yang telah dipulihara kepada kariah masjid untuk terus dipelihara. Sebarang aktiviti-aktiviti yang dilakukan di kawasan tersebut memang mereka yang perlu bertanggungjawab sebenarnya pada masjid tersebut. Macam kami juga dari segi penjagaan nak masuk kawasan masjid tersebut minta izin daripada pihak masjid juga.*

(R1-JWN)

*Ya perlu. Masyarakat perlu berbangga dengan masjid ini kerana masjid lama ratusan tahun dijaga sehingga kini. Pada saya, aktiviti masjid dengan kunjungan dari orang luar atau anak tempatan perlu ambil perhatian supaya masjid ini terus dijaga.*

(R2-KM)

*Ya masyarakat setempat perlu terlibat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini. Mereka boleh terlibat dalam beberapa segi. Mungkin dari segi teknikal kerja dan mungkin juga mereka terlibat secara tidak langsung tetapi yang paling penting untuk mereka terlibat adalah dari segi sebelum kerja-kerja conservation kena kenal pasti apa kepentingan bangunan tadi. So masyarakat setempat adalah pihak yang paling baik untuk kita merapatkan justifikasi mengapa bangunan tersebut penting untuk dipulihara. So yang keduanya adalah masyarakat setempat juga adalah sumber yang paling penting untuk kita faham masalah yang berlaku pada bangunan warisan. Apa punca dia, apa masalah dia, kenapa terbiar dan tak digunakan. Itu adalah maklumat-maklumat yang penting yang kita boleh dapatkan daripada masyarakat. Daripada situlah baru kita boleh buat kerja teknikal. Dari segi teknikal kemungkinan masyarakat tidak terlibat secara terus sebab ia adalah kerja profesional. Tetapi satu lagi expect lagi adalah setelah kerja tadi siap. Bila kerja dah siap penglibatan masyarakat sangat penting kerana mereka adalah paling rapat dengan bangunan. Mereka adalah pengguna, pemilik, pemegang value bangunan tersebut. Jadi penglibatan mereka dari segi pengurusan setelah kerja-kerja pemuliharaan adalah sangat besar. Mereka mempunyai tanggungjawab yang besar kat situ.*

(R3-PK)

Pengkaji merumuskan secara ringkas bahawa ketiga-tiga responden ini berpendapat masyarakat setempat ini sangat penting dalam melibatkan diri terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Responden ketiga memberi penjelasan yang agak jelas iaitu penglibatan masyarakat setempat mempunyai tanggungjawab yang besar kerana masjid tersebut mempunyai nilai yang tinggi dan mengatakan mereka penduduk yang paling hampir dengan masjid tersebut.

#### **4.5.2 Pembukaan semula masjid sebagai salah satu tempat tarikan pelancong**

Dalam sub tema ini, responden didapati mempunyai tanggapan yang sama iaitu bersetuju masjid ini perlu dibuka semula dan menjadi salah

satu tempat tarikan pelancong. Salah seorang dari tiga orang responden berpendapat bahawa masjid ini menjadi tumpuan orang ramai sekiranya pelancong datang ke Lembah Bujang. Kenyataan ini dapat dilihat dalam petikan temu bual di bawah:

*Masjid ini telah dibuka pada mulanya dan kembali tutup atas sebab tertentu. Namun begitu, masjid ini boleh dibuka dan sekiranya ada permintaan untuk melawat. Seterusnya potensi nak dijadikan tempat pelancongan adalah ya. Masjid ini sering kali timbul dalam blogger, facebook dan sebagainya kalau dikaitkan dengan kawasan di Merbok. Ia juga boleh jadi ikon dalam pelancongan di kawasan Merbok dan pelancongan secara terkawal oleh pihak kariah masjid.*

(R1-JWN)

*Ya. sekarang masjid ni kita dah buka dah. Kita hanya buka satu pintu sahaja untuk terima kunjungan orang-orang yang nak merasai sembahyang di dalam. Sebelum ni memang dah buka tapi masjid ni berlakunya bumbung bocor, kita tutup balik dan lepas ni kalau bumbung dah baik, insha allah kita akan mengimarahkan lagi masjid ni terutamanya waktu zuhur dan waktu asar. Kita akan guna balik wakaf daripada orang-orang terdahulu berjalan kembali.*

(R2-KM)

*Projek ini telah disiap dan masjid ini telah pun dibuka dan telah pun digunakan. Berjaya menarik pelancong saya tak pasti tetapi banyak orang yang memberikan perhatian apabila ia disenaraikan dalam tapak-tapak warisan di Kedah. Untuk pelancong datang ke situ saya tak pasti sebab saya tiada data dari segi kunjungan pelancong. Lokasinya yang tidak jauh dari Lembah Bujang ia mempunyai potensi yang baik untuk pelancong datang ke situ. Cuma mereka perlukan sedikit bantuan dari segi maklumat seperti papan tanda yang baik, template. Dengan perkara itu boleh membantu untuk Masjid Pangkalan Kakap lebih banyak kunjungan pelancong. Bukannya siap conservation terus ramai pelancong. Namun kita perlu ada promosi dan hebahan.*

(R3-PK)

Berdasarkan pandangan responden, pengkaji dapat merumuskan secara ringkas bahawa masjid ini sudah dibuka dan sedia menerima kunjungan pelancong. Namun begitu, sekiranya pengunjung yang ingin datang melawat

Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah haruslah memberitahu kepada pihak JWN atau menghubungi Kariah Masjid terlebih dahulu. Hal ini dikatakan kerana masjid ini tidak buka sepenuhnya bagi mengelakkan benda tidak diingini berlaku.

#### **4.6 DEMOGRAFI RESPONDEN**

Seramai 200 orang responden termasuk 14 responden simpanan daripada penduduk kampung sekitar Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah yang terdiri daripada umur 20 tahun ke bawah sehingga 51 tahun dan ke atas telah dipilih untuk mengkaji. Bahagian A merupakan perincian mengenai latar belakang responden yang dilihat dari aspek jantina, umur, status, bangsa, tahap pendidikan dan pekerjaan yang diterangkan dalam jadual 4.1 di bawah.

Hasil analisis menunjukkan 73 orang responden (36.5%) adalah terdiri daripada responden lelaki, manakala seramai 127 orang responden (63.5%) adalah perempuan. Selain itu, kebanyakan responden kajian berumur 21 hingga 30 tahun iaitu seramai 110 orang (55%) diikuti dengan responden berumur 20 tahun ke bawah seramai 35 orang (17.5%). Manakala bagi responden berumur 41 hingga 50 tahun adalah seramai 24 orang (12%). responden berumur 51 tahun dan ke atas seramai 16 orang (8%) dan responden yang berumur 31 hingga 40 tahun bersamaan (7.5%). Sehubungan dengan itu, jadual di atas menunjukkan demografi responden yang berstatus bujang paling ramai iaitu seramai 137 orang responden (68.5%). Kedua tertinggi status berkahwin iaitu 57 orang responden (28.5%) dan status lain-lain terdapat 6 orang sahaja (3%).

Majoriti responden yang terlibat terdiri daripada bangsa Melayu iaitu seramai 193 orang (96.5%). Responden bangsa Cina pula mempunyai 3 orang responden bersamaan dengan (1.5%). Manakala 2 orang responden masing-masing bangsa India dan lain-lain (1%). Selain itu, jadual di atas juga menunjukkan responden majoritinya berpendidikan Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 94 orang responden (47%) diikuti dengan responden yang mempunyai STPM/diploma iaitu seramai 57 orang (28.5%). Responden yang mempunyai SPM mempunyai seramai 42 orang (21%) manakala responden yang memiliki PMR/PT3 adalah sebanyak 7 orang bersamaan (3.5%).

Di samping itu, dari segi bidang pekerjaan banyak dilopori oleh responden yang masih belajar iaitu seramai 96 orang (48%) diikuti oleh pekerja sektor swasta iaitu sebanyak 39 orang (19.5%) manakala responden yang bekerja sendiri seramai 27 orang responden (13.5%). Justeru responden yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan seramai 20 orang (10%) manakala bagi responden yang tidak bekerja hanya 18 orang responden (9%) sahaja.

Jadual 4.5 : Demografi Responden

Item		Kekerapan	Peratus
		(N)	(%)
Jantina	Lelaki	73	36.5
	Perempuan	127	63.5
Umur	20 tahun ke bawah	35	17.5
	21-30 tahun	110	55
	31-40 tahun	15	7.5

	41-50 tahun	24	12
	51 tahun dan ke atas	16	8
Status	Bujang	137	68.5
	Berkahwin	57	28.5
	Lain-lain	6	3
Bangsa	Melayu	193	96.5
	Cina	3	1.5
	India	2	1
	Lain-lain	2	1
Tahap pendidikan	PMR/PT3	7	3.5
	SPM	42	21
	STPM/DIPLOMA	57	28.5
	IJAZAH	94	47
Pekerjaan	Kerajaan	20	10
	Swasta	39	19.5
	Tidak bekerja	18	9
	Bekerja sendiri	27	13.5
	Pelajar	96	48

(N=Kekerapan, %=Peratus)

Sumber : Kajian lapangan, 2021

#### 4.6.1 Pengetahuan Mengenai Sejarah Pembinaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok Kedah.

Hasil tinjauan mengenai item 1 iaitu adakah anda tahu tentang sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap menunjukkan majoriti responden kajian ini memilih jawapan tidak iaitu seramai 103 orang responden (51.5%) berbanding jawapan ya iaitu seramai 97 orang responden (48.5%). Manakala seramai 183 orang responden (91.5%) memilih ya dalam kenyataan item 2 iaitu Masjid Pangkalan Kakap terletak di daerah Merbok Kedah berbanding 17 orang responden (8.5%) memilih jawapan tidak.

Seterusnya, item 3 iaitu pembinaan masjid ini sewaktu Islam mula berkembang majoriti dipersetujui oleh seramai 184 orang responden (92%) berbanding jawapan tidak iaitu seramai 16 orang responden (8%). Dalam kenyataan 4 iaitu adakah masjid ini pernah menjalani pemuliharaan telah dipersetujui oleh responden seramai 172 orang responden (86%) manakala seramai 28 orang responden (14%) memilih jawapan tidak.

Pada kenyataan 5 iaitu reka bentuk masjid ini kelihatan unik mempunyai responden yang bersetuju seramai 189 orang (94.5%) manakala responden yang mengatakan tidak seramai 11 orang (5.5%). Item 6 iaitu masjid ini merupakan salah satu masjid warisan di Malaysia menemukan majoriti responden ya seramai 189 orang responden (94.5%) manakala responden yang mengatakan tidak seramai 11 orang iaitu bersamaan (5.5%).

Hasil analisis juga menemukan majoriti responden seramai 169 (84.5%) mengatakan ya pada item 7 iaitu masjid ini dibina pada sekitar tahun 1800

manakala sebahagian responden lagi iaitu seramai 31 (15.5%) mengatakan tidak kepada item tersebut.

Seterusnya, secara majoriti iaitu 182 orang responden (91%) mengetahui tentang masjid ini terletak berhampiran dengan kaki Gunung Jerai dan Lembah Bujang yang dinyatakan dalam soalan item 8 berbanding seramai 18 orang responden (9%) yang memilih jawapan tidak pada item tersebut.

Jadual 4.6 : Pengetahuan Mengenai Sejarah Pembinaan Masjid Pangkalan Kakap

Merbok Kedah.

ITEM	YA (N)	PERATUS (%)	TIDAK (N)	PERATUS (%)
Adakah anda tahu tentang sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap?	97	48.5	103	51.5
Masjid Pangkalan Kakap terletak di daerah Merbok Kedah?	183	91.5	17	8.5
Pembinaan masjid ini sewaktu Islam mula berkembang ?	184	92	16	8
Adakah masjid ini pernah menjalani pemuliharaan ?	172	86	28	14
Reka bentuk masjid ini kelihatan	189	94.5	11	5.5

unik?

Masjid ini merupakan salah satu masjid warisan di Malaysia?	189	94.5	11	5.5
Masjid ini dibina pada sekitar tahun 1800?	169	84.5	31	15.5
Adakah benar masjid ini terletak berhampiran dengan kaki Gunung Jerai dan Lembah Bujang?	182	91	18	9

(N=Kekerapan, %=Peratus)

Sumber : Kajian lapangan, 2021

Bahagian ini dapat disimpulkan bahawa pengetahuan mengenai sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah ini mempunyai hampir majoriti responden. Hal ini terbukti setiap item dalam bahagian ini mendapat persetujuan peratus yang banyak tetapi pada item yang pertama iaitu adakah anda tahu sejarah pembinaan masjid ini agak kurang diketahui oleh responden. Hampir separuh peratus pada item pertama itu tahu sejarahnya dengan terperinci. Berdasarkan kelapan lapan item ini dirumuskan bahawa responden mempunyai pengetahuan tentang sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok Kedah.

#### **4.6.2 Usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah**

Analisis data kajian berkaitan usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok Kedah dalam borang soalan soal selidik bahagian C ini seperti dalam jadual 4.7 di bawah. Bahagian ini bertujuan untuk mengetahui usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok Kedah. Hasil tinjauan bagi item 1, Masjid Pangkalan Kakap Merbok perlu menjalani pemeliharaan dan pemuliharaan untuk mengekalkan keaslian dan struktur masjid ini mendapat persetujuan yang paling tinggi iaitu sangat setuju seramai 113 orang responden (56.5%), kedua tertinggi ialah setuju seramai 86 orang responden (43%) dan tidak setuju mempunyai seorang responden (0.5%) sahaja. Pada item 2 iaitu proses penyelenggaraan yang berkala amat penting dalam memulihara warisan tersebut agar tidak terabai menunjukkan seramai 108 orang responden (54%) memilih sangat setuju berbanding dengan setuju seramai 91 orang responden (45.5%) dan hanya seorang sahaja yang tidak bersetuju (0.5%).

Kenyataan 3 pula ialah langkah-langkah pemuliharaan dan pemeliharaan dapat memberi kesedaran terhadap penduduk sekitar yang majoritinya menunjukkan responden memilih sangat setuju iaitu seramai 110 orang responden (44.5%) sementara 89 orang responden (44.5%) yang setuju dan hanya seorang sahaja (0.5%) yang tidak setuju. Selain itu, data analisis kajian responden menunjukkan seramai 100 orang memilih sangat setuju (50%) dengan kenyataan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang baik adalah dengan mengurangkan perubahan pada struktur bangunan bagi menjaga keaslian bangunan tersebut berbanding 95 orang responden (47.5%) menyokong setuju

dan hanya 5 orang sahaja (2.5%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Kenyataan item 5 iaitu tahap pengurusan yang lebih berkualiti adalah memantau proses menyelengara masjid tersebut menunjukkan 106 orang responden (53%) menyokong sangat setuju dan setuju seramai 90 orang responden (45%) berbanding responden yang tidak setuju iaitu seramai 4 orang responden (2%) sahaja.

Dapat dirumuskan bahawa, usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah ini amat penting dalam melestarikan bangunan warisan kerana ia mempunyai nilai yang tinggi pada masa kini dan akan datang. Pada bahagian ini, majoriti responden memilih sangat setuju dalam usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan ini pada kesemua item bahagian ini.

Jadual 4.7 : Usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap

Merbok Kedah.

ITEM	TIDAK	SETUJU		SANGAT		
	SETUJU			SETUJU		
	(N)	(%)	(N)	(%)	(N)	(%)
Masjid Pangkalan Kakap Merbok perlu menjalani pemeliharaan dan pemuliharaan untuk mengekalkan keaslian dan struktur masjid ini.	1	0.5	86	43	113	56.5
Proses penyelenggaraan yang berkala amat penting dalam memulihara warisan tersebut agar tidak terabai.	1	0.5	91	45.5	108	54
Langkah-langkah pemuliharaan dan pemeliharaan dapat memberi kesedaran terhadap penduduk sekitar.	1	0.5	89	44.5	110	55
Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang baik adalah dengan mengurangkan perubahan pada struktur bangunan bagi menjaga keaslian bangunan tersebut.	5	2.5	95	47.5	100	50
Tahap pengurusan yang lebih berkualiti adalah memantau proses menyelengara masjid tersebut.	4	2	90	45	106	53

(N=Kekerapan, %=Peratus)

Sumber : Kajian lapangan, 2021

### **4.6.3 Tahap penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah**

Analisis data kajian berkaitan tahap penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah dalam borang soalan soal selidik bahagian D ini seperti paparan jadual 4.8 di bawah. Bahagian ini bertujuan untuk mengetahui tahap penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah. Hasil tinjauan bagi kenyataan 1, adakah pernah mengunjungi Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah menunjukkan seramai 96 orang responden (48%) yang tidak setuju berbanding 70 orang responden (35%) yang setuju dan sangat setuju mempunyai 34 responden (17%). Pada kenyataan 2 pula, anda pernah terlibat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap seperti gotong-royong dan sebagainya menunjukkan seramai 115 orang responden (57.5%) memilih tidak setuju berbanding dengan setuju seramai 68 orang responden (34%) dan 17 orang responden (8.5%) sahaja yang sangat setuju.

Manakala, item 3 pula adakah anda tertarik sekiranya pihak kepentingan mengadakan aktiviti lawatan sambil belajar di Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah yang majoritinya menunjukkan responden memilih setuju iaitu seramai 104 orang responden (52%) sementara 91 orang responden (45.5%) yang memilih sangat setuju dan hanya 5 orang sahaja (2.5%) yang tidak setuju.

Seterusnya, data analisis kajian responden menunjukkan seramai 101 orang responden memilih sangat setuju (50.5%) dengan kenyataan penduduk setempat perlu terlibat atau menyertai aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah berbanding 93 orang responden (46.5%) menyokong setuju dan hanya 6 orang sahaja (3%) yang tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Di samping itu, item 5 iaitu penyebaran maklumat aktiviti dan program melalui sosial media dapat membantu masyarakat dalam melibatkan diri dalam usaha pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ini menunjukkan 102 orang responden (51%) memilih sangat setuju dan setuju seramai 94 orang responden (47%) berbanding responden yang tidak setuju iaitu seramai 4 orang responden (2%) sahaja.

Kenyataan item 6, penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ini memainkan peranan yang penting dalam memperkenalkan warisan ini kepada masyarakat menunjukkan seramai 105 orang responden (52.5%) sangat setuju berbanding hanya seramai 91 orang responden (45.5%) setuju dan seramai 4 orang responden (2%) sahaja tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Akhir sekali ialah item adakah faktor lokasi masjid yang berada di kawasan pendalaman menyebabkan ia tidak mendapat tarikan pelancongan menunjukkan seramai 108 orang responden (54%) yang setuju, sementara 61 orang responden (30.5%) memilih sangat setuju berbanding 31 orang responden (15.5%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Dapat dirumuskan pada bahagian ini iaitu tahap penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Pada bahagian ini menunjukkan item pertama iaitu masjid ini hampir separuh dari responden iaitu 48% tidak pernah menjelajahi masjid tersebut namun pada item yang lain mereka memilih bersetuju dan sangat setuju sebagai tindakan usaha dalam penglibatan komuniti ini. Hal ini jelaslah bahawa, penglibatan komuniti memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan warisan setempat bagi memartabatkan lagi bangunan warisan ini.

Jadual 4.8 : Tahap penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan

Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah.

ITEM	TIDAK	SETUJU		SANGAT		
		SETUJU		SETUJU		
	(N)	(%)	(N)	(%)	(N)	(%)
Adakah pernah mengunjungi Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah?	96	48	70	35	34	17
Anda pernah terlibat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap seperti gotong-royong dan sebagainya?	115	57.5	68	34	17	8.5
Adakah anda tertarik sekiranya pihak kepentingan mengadakan aktiviti lawatan	5	2.5	104	52	91	45.5

sambil belajar di Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah?						
Penduduk setempat perlu terlibat atau menyertai aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah.	6	3	93	46.5	101	50.5
Penyebaran maklumat aktiviti dan program melalui sosial media dapat membantu masyarakat dalam melibatkan diri dalam usaha pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ini.	4	2	94	47	102	51
Penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ini memainkan peranan yang penting dalam memperkenalkan warisan ini kepada masyarakat.	4	2	91	45.5	105	52.5
Adakah faktor lokasi masjid yang berada di kawasan pendalaman menyebabkan ia tidak mendapat tarikan pelancongan.	31	15.5	108	54	61	30.5

(N=Kekerapan, %=Peratus)

Sumber : Kajian lapangan, 2021

#### 4.7 ANALISIS TAHAP PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN MENERUSI KERANGKA MODEL ARNSTEIN 1969

Menurut Joshi (1995) penglibatan komuniti digunakan dalam pelbagai konteks seperti perwakilan pekerja, pengurusan institusi, pembangunan komuniti dan sebagainya. Ideologi penglibatan turut menggambarkan pelaksanaan untuk kejayaan pelaksanaan sebarang projek pemulihan, Soen (1981). Ringkasnya, penglibatan komuniti memainkan peranan yang penting dalam memastikan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan sesuatu bangunan warisan itu terus terpelihara dan dijaga. Penggunaan *Model A Ladder of Citizen Participation* (Arnstein 1969) ini untuk mengukur tahap penglibatan komuniti di kalangan komuniti atau penduduk sekitar Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.

Analisis terhadap kajian ini, penglibatan komuniti terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah dari segi pengetahuan sejarah pembinaan masjid ini, usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ini, dan penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap masjid ini berdasarkan *Model A Ladder of Citizen Participation* (Arnstein 1969).

Arnstein (1969) mempunyai 3 bahagian iaitu dari “tiada penyertaan komuniti” merupakan bahagian paling rendah. Kategori ini mempunyai dua tahap tangga dari bawah iaitu “manipulasi” dan “terapi”. Seterusnya, kategori yang kedua juga diwujudkan oleh Arnstein iaitu “tokenisme” yang mempunyai tiga tahap tangga selepas “manipulasi” dan “terapi”. Tangga-tangganya ialah “maklumat” pada tahap tangga yang ketiga, “rundingan” merupakan tahap tangga yang keempat dan diikuti tahap tangga yang kelima iaitu “pendamaian”. Arnstein juga membentuk kategori yang tertinggi iaitu “kuasa rakyat”. Kategori ini mempunyai tiga tahap tangga iaitu

“perkongsian atau kerjasama” tahap tangga yang keenam, “kuasa yang diagihkan” tahap tangga ketujuh dan “pengendalian masyarakat” tahap tangga yang kelapan.

Seterusnya, penelitian penglibatan komuniti dan tahap penglibatan komuniti di analisis menerusi soal selidik responden. Maklumat yang diperoleh berkaitan dengan latar belakang responden seperti umur, jantina, pendidikan, pekerjaan, status dan bangsa mempengaruhi pengetahuan sejarah, usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan masjid dan tahap penglibatan komuniti. Melalui jawapan responen telah membantu pengkaji analisis tahap penglibatan komuniti terhadap masjid ini berdasarkan kerangka tangga penglibatan komuniti yang dikemukakan oleh Arnstein (1969). Berikut merupakan Lapan Tangga Penglibatan oleh Arnstein (1969) :

#### **4.7.1 Manipulasi (Manipulation)**

Di peringkat tangga ini merupakan tahap yang paling rendah. Tiada penglibatan oleh mana-mana pihak yang menguruskan sesuatu warisan. Sekiranya ada masyarakat yang terlibat kemungkinan mereka meyertai dengan cara terpaksa bukan dengan kerelaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kemungkinan mereka kurang mendapat pendedahan mengenai perkembangan dan kemungkinan mereka menganggap warisan tersebut sudah mempunyai masyarakat yang menyertai kerja pemeliharaan dan pemuliharaan ini.

#### **4.7.2 Terapi (Therapy)**

Tahap ini untuk menyembuhkan atau mendidik dalam bentuk penyertaan. Matlamat yang dicadangkan merupakan jalan yang terbaik dalam usaha

menarik minat masyarakat awam yang tidak serta i untuk serta kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan.

#### **4.7.3 Maklumat (Informing)**

Pada peringkat ini merupakan peringkat yang penting dalam menggalakkan lagi penglibatan komuniti setempat. Pada peringkat ini masyarakat juga akan dimaklumkan sesuatu keputusan oleh pihak atasan. Tetapi komuniti tidak diberikan peluang untuk memaklum balas. Berdasarkan analisis kajian pada tahap ini segala program yang dianjurkan oleh pihak JWN akan dimaklumkan kepada pihak kariah masjid terlebih dahulu. Komuniti setempat berpeluang melibatkan diri dalam program atau aktiviti yang dianjurkan.

#### **4.7.4 Rundingan (Consultation)**

Pada tahap rundingan pula orang awam tidak berpeluang dalam menentukan keputusan kepada pihak atasan mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan. Sebarang kuasa atau jawapan hanya ditentukan oleh pihak atasan. Masyarakat setempat tidak mempunyai hak dalam urusan menentukan keputusan dalam proses perancangan kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Masjid ini dibawah pengelolaan pihak Jabatan Warisan Negara. Pihak kariah masjid akan menghubungi JWN terlebih dahulu. Sebarang keputusan ditetapkan oleh JWN.

#### **4.7.5 Pendamaian (Placation)**

Pada peringkat ini pihak atasan pemegang kuasa untuk memilih separuh dari komuniti menjadi orang pengaruh mereka. Bahagian ini untuk mendamaikan

dan menenagkan komuniti. Masyarakat yang terlibat yang terpilih sebagai orang perantaraan dengan pihak atasan. Contohnya pihak JWN mengharapkan dan amanahkan pihak kariah masjid untuk sama-sama menjaga Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah. Sekiranya berlaku atau urusan yang penting. Mereka akan saling berhubung.

#### **4.7.6 Kerjasama (Partnership)**

Pada bahagian ini adanya kerjasama kedua-dua pihak. JWN bekerjasama dengan kariah masjid dalam menggiatkan lagi promosi tapak Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Sekiranya ada pelawat yang ingin melawat masjid tersebut. Pihak JWN akan menghubungi Kariah masjid untuk membuka kunci dan memberi ruang dan peluang pelancong menghayati warisan masjid tersebut.

#### **4.7.7 Kuasa yang Diagihkan (Delegated Power)**

Pada tangga ini merupakan peringkat masyarakat yang memegang kuasa yang penting dalam sesuatu program yang diamanahkan oleh pihak atasan. Masyarakat yang memegang kuasa dalam menentukan keputusan yang akan dilakukan dengan menggunakan kuasa majoriti dan akan bertanggungjawab dengan apa yang dilakukan.

#### **4.7.8 Pengendalian Masyarakat (Citizen Control)**

Pada peringkat ini pula, kawalan dilakukan sepenuhnya oleh masyarakat dalam mengadakan program atau dasar sesuatu pengurusan. Dalam situasi ini masyarakat harus bertanggungjawab kesemua rancangan yang akan

dilaksanakan. Masyarakat akan membuat keputusan apa yang terbaik dalam menguruskan sesuatu program atau acara dan cara mengawal terhadap kuasa yang dipegang. Hal ini kerana masyarakat lebih tahu keadaan persekitaran mereka dan merancang sesuatu yang terbaik.


Sehubungan dengan itu, kajian ini mempunyai pilihan sama ada responden menolak atau menerima untuk melibatkan diri dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Sejarah masjid ini juga turut disoal, kebanyakannya responden ramai yang tahu sejarah pembinaan masjid ini. Berdasarkan kajian ini penglibatan komuniti dapat dilihat dengan kunjungan atau solat berjemaah di masjid tersebut. Ada juga anjuran dari pihak masjid dengan Timbalan Menteri Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC) turun padang. Terdapat juga kunjungan atau lawatan dari luar yang datang ke masjid tersebut dalam menghayati masjid warisan terdahulu. Hal ini jelaslah bahawa, bukan setakat komuniti setempat sahaja yang tahu asal-usul masjid ni malah pengunjung luar juga tertarik dengan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Walaupun tidak semua responden yang pernah berkunjung masjid ini namun mereka pernah dengar sejarah tentang masjid ini.

Tahap penyertaan mereka diteliti dan berada pada tahap tokenisme iaitu berupaya memberi maklumat (informing), terlibat dalam khidmat rundingan (consultation) serta pendamaian (placation). Justeru, satu tangga di tahap Degree of citizen power iaitu kerjasama (partnership). Mereka berupaya bekerjasama juga dilihat banyak membantu komuniti setempat dalam memberikan kesedaran untuk memulihara dan memelihara Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Secara tidak langsung penglibatan komuniti setempat dalam pemuliharaan masjid ini semakin

dipupuk. Oleh itu, hasil analisis berpandukan Kerangka Tangga Penyertaan Masyarakat yang dikemukakan oleh Arnstein (1969) menemukan, penglibatan komuniti setempat meningkat pada permulaan dari pasif kepada tahap aktif.

Ringkasnya, tahap pengetahuan responden telah mempengaruhi tindakbalas keseluruhan analisis dapatan kajian ini. Hasil daripada keseluruhan analisis data juga telah membuktikan pengetahuan sejarah Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah majoritinya responden tahu pembinaan masjid ini namun hampir separuh dari mereka yang tidak pernah jejak ke masjid tersebut. Huraian ini dapat diringkaskan seperti rajah berikut:





Rajah 4.1 : Kerangka Teoritikal Model A Ladder of Citizen Participation (Arntein's 1969)

#### 4.8 KESIMPULAN

Seramai 200 orang responden termasuk 14 responden simpanan dari penduduk kampung sekitar Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah yang berusia 20 tahun ke bawah hingga 51 tahun ke atas telah dipilih untuk mengkaji penglibatan komuniti terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah. Hasil kajian daripada soal selidik yang dianalisis mendapati majoriti responden kurang mengetahui tentang masjid ini dari segi asal usul sejarah walaupun tahu akan kewujudan masjid tersebut. Hanya separuh responden sahaja yang pernah menjelaki masjid tersebut. Sebahagian responden mengetahui tentang Masjid Pangkalan Kakap Merbok Kedah merupakan sebuah masjid warisan. Walaupun responden kurang tahu perkembangan pemeliharaan masjid tersebut, namun jawapan mereka dalam soal selidik majoriti menyokong kenyataan supaya masjid tersebut terus dipelihara. Secara ringkasnya, Dengan adanya usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini akan terus diangkat sebagai masjid warisan bersejarah kepada masyarakat umum dan dapat dikekalkan untuk tatapan generasi yang akan datang.

Berdasarkan panduan kerangka tangga penglibatan ini telah menunjukkan selari dengan analisis soal selidik pengkaji. Beberapa tangga Model Arnstein (1969) ini berjaya digunakan dalam menganalisis tahap penglibatan komuniti. Sehubungan dengan itu, responden menerima baik terhadap usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah walaupun tidak semua komuniti yang terlibat dengan kerja-kerja ini. Menerusi analisis kajian berkaitan penglibatan komuniti ini berada pada tahap yang sederhana iaitu pada tangga yang

ketiga hingga tangga yang keenam oleh Teori Arnstein (1969). Rujukan teori ini dapat disimpulkan adalah kesedaran dalam melindungi warisan telah wujud dalam kalangan komuniti sebagai tindakan melindungi bangunan bersejarah. Hal ini jelaslah bahawa usaha-usaha yang dilakukan pihak kepentingan memainkan peranan dalam kerjasama pihak kariah masjid untuk terus kukuh berdiri menjaga masjid warisan ini.



## BAB V

### RUMUSAN DAN PENUTUP

#### 5.1 RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini terdiri daripada 5 bab merangkumi pendahuluan iaitu pengenalan ringkas mengenai kajian, kajian lepas yang pernah dikaji oleh pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini, dan metodologi kajian iaitu kaedah kajian yang digunakan dalam mengumpul data kajian. Justeru, analisis dapatan kajian pula diperoleh daripada pengumpulan data menggunakan kaedah yang dipilih oleh pengkaji dan rumusan pada bab terakhir ialah keseluruhan akhir hasil kajian tahap penglibatan komuniti terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.

Perbincangan Bab I membincangkan tentang pengenalan tajuk kajian iaitu kajian mengenai penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Bab I ini membincangkan berkaitan pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, dan skop kajian. Dalam bab ini juga menerangkan dengan lebih terperinci mengenai sejarah Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Bab ini menghuraikan secara tidak langsung mengenai keseluruhan kandungan yang terdapat dalam kajian ini.

Bab II pula membincangkan mengenai sorotan kajian tentang penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan masjid warisan. Dalam bab ini,

pengkaji tidak menemukan lagi kajian lepas berkaitan penglibatan komuniti terhadap Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Kajian yang dilakukan pengkaji ini merupakan kajian yang pertama dilakukan. Hal ini kerana, ada masyarakat yang kurang mengetahui dan kurang peka akan kepentingan penglibatan dalam memulihara dan memelihara Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Pada bab ini, pengkaji dapat membuka ruang dan peluang orang ramai dalam pengurusan menjaga warisan yang ditinggalkan. Dalam bab ini juga pengkaji menggunakan *Model Arnsteins A Ladder Of Citizen Participation* (1969) sebagai fokus utama untuk mengkaji tahap penglibatan komuniti Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.

Rumusan kajian untuk Bab III membincangkan metodologi kajian iaitu kaedah kajian yang digunakan untuk mengumpul data-data mengenai kajian yang dilakukan bagi memastikan data yang diperoleh dapat menyokong keseluruhan kajian ini. Kaedah yang diguna pakai ialah kaedah gabungan iaitu kaedah kualitatif melalui data temu bual dan kaedah kuantitatif iaitu soal selidik. Kaedah temu bual ini telah dijalankan terhadap tiga orang responden yang terdiri daripada Pengarah Jabatan Warisan Negara Zon Utara (JWN), kariah masjid (KM) dan seorang pensyarah konservasi (PK). Manakala bagi kaedah soal selidik pula, sebanyak 200 orang responden termasuk 14 orang responden simpanan menjawab soalan soal selidik bagi melengkapkan lagi data kajian ini.

Bab IV pula membincangkan analisis dapatan kajian yang diperoleh melalui kaedah temu bual dan soal selidik. Kesemua data telah diperoses dan diterjemahkan dalam bentuk jadual. Nilai keputusan yang diperoleh dalam bab ini mendapat majoriti responden mengetahui pada bahagian pengetahuan mengenai sejarah pembinaan

Masjid Pangkalan Kakap Merbok Kedah, namun item 1 sahaja yang didapati kekurangan peratus pada pilihan “Ya” kerana hampir separuh dari responden tidak mengetahui asal usul sejarah masjid ini. Namun begitu, majoriti responden pada bahagian usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dan penglibatan komuniti terhadap Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah ini mendapat persetujuan majoriti walaupun dikalanagn responden yang melebihi separuh yang tidak pernah menjelaki masjid ini. Hal ini jelaslah bahawa, komuniti yang tinggal di kawasan masjid ini ada potensi untuk menyertai dalam penglibatan sama-sama menjaga dan memulihara masjid untuk terus diangkat dan dikenali masyarakat umum.

Analisis berkaitan penglibatan komuniti telah memberi dan menerima tanggapan yang positif terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Hasil analisis mendapati komuniti harus diberikan pendedahah yang lebih jelas mengenai jagaan masjid ini. Kerjasama dengan pihak kepentingan seperti JWN telah terbukti kerana mereka saling berhubung dengan mengambil berat terhadap masjid ini untuk terus dipelihara dari sebarang kerosakan. Tahap penyertaan mereka boleh berubah kepada penyertaan aktif sehingga mempunyai kekuatan untuk mempengaruhi ahli komuniti lain untuk bersama-sama terlibat dalam menjaga bangunan masjid warisan di kawasan mereka.

## 5.2 PENUTUP

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya menjawab kesemua objektif kajian menegenai penglibatan komuniti terhadap Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.

Bangunan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah ini haruslah dijaga kerana ia merupakan lambang identiti atau simbolik komuniti penduduk Merbok. Proses pemeliharaan dan pemuliharaan haruslah dikaitkan dengan komuniti yang tinggal berhampiran dengan bangunan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, peranan pihak kepentingan sahaja tidak mencukupi dalam menentukan pemuliharaan dan pemeliharaan yang rapi. Dengan kerjasama komuniti setempat sangatlah penting untuk mengekalkan nilai warisan ini untuk tatapan generasi akan datang. Sejarahnya juga haruslah didokumentasikan ke dalam bentuk tulisan untuk rujukan masa akan datang.

Seterusnya, kajian ini dikaji berdasarkan *Model Arnsteins A Ladder Of Citizen Participation* (1969) untuk menilai tahap penglibatan komuniti terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah. Didapati tahap penglibatan komuniti berada di tahap yang sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana masih ada lagi komuniti yang menjelaki ke Masjid tersebut untuk bergotong-royong dan melawat masjid tersebut. Kariah masjid merupakan perantaraan dengan pihak JWN sebagai penyampai sesuatu maklumat. Tahap penglibatan mereka jelaslah tidak sampai ke tahap yang paling tinggi kerana komuniti tidak mempunyai peruntukan dan mereka bergantung dengan JWN yang melaksanakan kerja-kerja baik pulih pada tempat-tempat kerosakan seperti bumbung bocor dan sebagainya. Pada akhirnya, penglibatan mereka bukan sahaja dalam proses pemuliharaan tetapi juga perancangan untuk jangka masa panjang yang membolehkan generasi seterusnya menikmati warisan yang ditinggalkan.

Di samping itu, kajian ini dilaksanakan atas dasar mengkaji pengetahuan komuniti setempat tentang sejarah pembinaan Masjid Pangkala Kakap, Merbok, Kedah dan selok-belok mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini. Berdasarkan soalan soal selidik yang telah dijawab responden dan maklumat dari sesi temu bual bersama 3 orang responden sangatlah membantu pengkaji untuk menganalisis kesemua data yang diperoleh. Komuniti setempat juga mempunyai kesedaran dalam memelihara dan memulihara sesuatu warisan. Oleh itu, semua pihak haruslah mengambil perhatian dalam mempromosikan lagi warisan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah ini agar terus dikenali suapaya ia boleh diangkat dan diterima dalam pewartaan warisan negara.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## RUJUKAN

Ahmad Faisol Yusof, Tajul Edrus Nordin, Mohd Zikri Mohd Zaki, Nor Syamimi Samsudin. (2020).

A STUDY OF MOSQUE MIMBAR ENTRANCE. Perak : Department of Town & Regional Planning, Faculty of Architecture, Planning and Surveying, Universiti Teknologi MARA. Diakses pada 25 Januari 2021, daripada <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/download/486/328/>

Abdul Aziz Hussin

PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN WARISAN DI MALAYSIA (PENERBIT USM 2011)

<https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=MhhABAAAQBAJ&oi=fn&pg=PT94&dq>

Afifah Arifin (2013).

Kesediaan masyarakat dalam pembangunan homestay. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

<https://core.ac.uk/download/16218451.pdf>

Abdul Rasid Abdul Razzaq & Mohamad Zaid Mustafa (2014)

Pembangunan Keupayaan Komuniti Menerusi Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Experiential Learning Approach): Pengalaman Di Miso Walai Homestay Kinabatangan Sabah

<https://core.ac.uk/download/pdf/42955152.pdf>

Che Norliza Sulong (2004)

Masjid Menjana Pembentukan Belia Rabbani

[file:///C:/Users/HP/Downloads/ARTIKELJURNALBELIA%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/HP/Downloads/ARTIKELJURNALBELIA%20(1).pdf)

Fairuzah Hj. Basri

SENI BINA MASJID DI MALAYSIA (2002), diakses pada 11 Mei 2021

<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/11631/>

Faridah Noor Mohd. Noor. (2018). The Spread of Mosques in Pre-Independence Malay Peninsula: A Digital Representation. Kuala Lumpur: Penerbit Fakulti Bahasa dan Linguistik (FBL), Universiti Malaya. Diakses pada 25 Januari 2021, daripada <https://www.atlantis-press.com/proceedings/icclas-17/25891019>

Haris Abd. Wahab (2010)

Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 21, 2010 Penglibatan Masyarakat Melayu Dan Pencapaian Program Pembangunan Komuniti Luar Bandar (Malay Community Participation And The Achievement Of The Rural Community Development Programme) diakses pada 30 April 2021  
<http://jurnalarticle.ukm.my/4283/1/akademika65%5B02%5D.pdf>

Kalsom Kayat, Nor Ashikin Mohd. Nor (2006)  
 Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Program Pembangunan Komuniti : Satu Kajian Ke Atas Program Homestay Di Kedah, diakses pada 11 Mei 2021  
<http://jurnalarticle.ukm.my/4283/1/akademika65%5B02%5D.pdf>

Megat Ariff Shah, Ezrin Arbi & Nila Inangda (2014).  
 TRANSFORMASI ARKITEK MASJID DI MALAYSIA: Analisis kritikal pendekatan sejarah arkitek, Faculty of Built Environment, University of Malaya. Diakses pada 25 Januari 2021, daripada  
[https://www.researchgate.net/profile/Megat\\_Shah2/publication/325809393\\_Transformation\\_of\\_Mosque\\_Architecture\\_in\\_Malaysia\\_Critical\\_Analysis\\_of\\_Architectural\\_History\\_Approaches/links/5e609e254585152ce8091fb/Transformation-of-Mosque-Architecture-in-Malaysia-Critical-Analysis-of-Architectural-History-Approaches.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Megat_Shah2/publication/325809393_Transformation_of_Mosque_Architecture_in_Malaysia_Critical_Analysis_of_Architectural_History_Approaches/links/5e609e254585152ce8091fb/Transformation-of-Mosque-Architecture-in-Malaysia-Critical-Analysis-of-Architectural-History-Approaches.pdf)

Marfizul Azuan bin Marsuki (2015).  
 Masjid-Masjid Tersohor Di Malaysia:Penceritaan Melalui Visual Fotografi, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan(ASWARA). diakses pada 25 Januari, 2021 daripada  
[https://www.academia.edu/1100947/MASJID\\_MASJID\\_TERSOHOR\\_DI\\_MALAYSIA\\_PENCERITAAN\\_MELALUI\\_VISUAL\\_FOTOGRAFI](https://www.academia.edu/1100947/MASJID_MASJID_TERSOHOR_DI_MALAYSIA_PENCERITAAN_MELALUI_VISUAL_FOTOGRAFI)

Mohd Fadli Ghani (2020),  
 KEDAH: KERAJAAN ISLAM PERTAMA DI TANAH MELAYU Ketua Lajnah Sejarah dan Arkib, Sidang as-Sabiqun PAS Pusat. Diakses pada 25 Januari, 2021 daripada

<https://berita.pas.org.my/kedah-kerajaan-islam-pertama-di-tanah-melayu/>

Mohamad Sohaimi Man. (2017).  
 Kepentingan Pemuliharaan dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu di Abad kini. Ideology, 2(1) : 2-13, 2017. Diakses pada 25 Januari, 2021 daripada

<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/32223/1/32223.pdf>

M. Surat, M.T.M. Rasdi, A.R Musa, N. Utaberta, M.M. Tahir

SALAH TANGGAPAN TERHADAP KUBAH PADA SENIBINA MASJID: PENGARUH PENGISIAN SEJARAH DALAM HASRAT REKABENTUK MASJID (2011) diakses pada 30 April 2021

<http://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/105>

Mohammad Nazzrri bin Ahmad

FALSAFAH SENI UKIRAN MELAYU: AKADEMIK PENGAJIAN MELAYU UNIVERSITI MALAYA KUALA LUMPUR (2016), diakses pada 10 Mei 2021

<http://studentsrepo.um.edu.my>

Mohd Yuszaidi Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafiah,  
AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 (AKTA 645): PENILAIAN DARI ASPEK PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASA, jurnal melayu (2015), diakses pada 10 Mei 2021

<http://jurnalarticle.ukm.my/9456/1/11445-31069-1-SM.pdf>

Mohd Azhar Mohamed Ali & Kadir Arifin (2020)

Penglibatan Awam sebagai Pembuat Keputusan dalam Rancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan, diakses pada 11 Mei 2021

<https://ejournal.ukm.my/akademika/article/viewFile/33152/10431>

Mohd Jaki Bin Mamat (2014)

Penglibatan Masyarakat Dalam Pemuliharaan Kawasan Warisan Di Pusat Bandaraya Ipoh, Perak.

<https://core.ac.uk/download/pdf/32600107.pdf>

Mohd Qawien Bin Mootar (2019)

Pemuliharaan Bangunan Warisan Dari Aspek Sejarah Di George Town, Pulau Pinang

<http://eprints.usm.my/48361/1/Pemuliharaan%20Bangunan>

Mansoureh Ebrahimi & Kamaruzaman Yusoff (2018)

The Impact of Cultural Diversity on Mosques in Malaysia

<https://pdfs.semanticscholar.org/04d0/15c08254b8c1a93c3d046363e773d48756cc.pdf>

Nangkula Utaberta & Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi (2010)

Deskripsi Tipologi, Klasifikasi Dan Analisis Perancangan Masjid Di Malaysia

<https://media.neliti.com/media/publications/23725-ID-deskripsi-tipologi-klasifikasi-dan-analisis-perancangan-masjid-di-malaysia.pdf>

Nurul Nadia Binti Afandi (2010)

Pemuliharaan Dan Kos Baik Pulih Bangunan Lama Di Pulau Pinang

<https://bic.utm.my/files/2018/04/NURUL-NADIA-AFANDI.pdf>

Nur Nasiha Muhamad Hasani Shahariah Norain Shaharuddin

Pemuliharaan Terhadap Struktur Bangunan Istana Jahar Sebagai Bangunan Warisan Di Kelantan: Satu Tinjauan Awal, diakses pada 20 Mei 2021  
<http://ijcfh.umk.edu.my/images/IJCFHVol8No2/IJCFH-Content-Vol.8-Issue-No.2-74-85.pdf>

Nor Syahila & Nila Inangda Manyam Keumala (2014)

Kesesuaian Amalan Penyesuaigunaan Bangunan Kediaman Bersejarah kepada Memorial Kebangsaan

<https://ejournal.um.edu.my/index.php/jdbe/article/view/5341/3128>

Suhana Binti Johar Universiti Sains Malaysia (2012)

PEMULIHARAAN DAN PEMBAIKAN MASJID KAYU TRADISIONAL DI MALAYSIA diakses pada 11 Mei 2021

<http://eprints.usm.my/44911/1/SUHANA%20BINTI%20JOHAR.pdf>

Suzanah Binti Etin, Mustapa Abd. Talip dan Kadir Bin Jaafar,

International Journal of Administration and Governance

PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PENGURUSAN SUMBER PESISIR PANTAI DI TELUK MENGKABONG TUARAN, SABAH, diakses pada 11 Mei 2021

[file:///C:/Users/HP/Downloads/Penglibatan\\_Komuniti\\_Dalam\\_Pengurusan\\_Su.pdf](file:///C:/Users/HP/Downloads/Penglibatan_Komuniti_Dalam_Pengurusan_Su.pdf)

Saifuddin (2010)

MASJID LAMA PANGKALAN KAKAP. Diakses pada 25 Januari 2021, daripada

<http://freecentre.net/jalanjalan/2010/05/19/masjid-lama-pengkalan-kakap/>

Siti Nor Fatimah Zuraidi, Zainal Abidin Akasah & Mohammad Ashraf Abdul Rahman (2011)

Masalah Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan Di Malaysia

[file:///C:/Users/HP/Downloads/Masalah\\_dalam\\_pemuliharaan\\_bangunan\\_wari.pdf](file:///C:/Users/HP/Downloads/Masalah_dalam_pemuliharaan_bangunan_wari.pdf)

YM Yusoff, H Dollah, Ab Samad Kechot (2013)

NATIONAL DEVELOPMENT AND THE PROTECTION OF HERITAGE PROPERTY: AN APPRAISAL OF THE MALAYSIAN EXPERIANCE.  
UKM. Diakses pada 30 April 2021 daripada

<https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/18006>

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## LAMPIRAN

### INTERVIEW TRANSKRIP

#### INFORMAN 1

Tarikh Interview: 10 Disember 2021

Durasi Interview: 16 Minit

Lokasi: Panggilan Telefon

Nama	Encik Ardy Ismira
Umur	43 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Pengarah Jabatan Warisan Negara Zon Utara.

INTERVIEW TRANSKRIP	
A	Hello encik. Saya Nur Azmina Aiman pelajar dari UMK ingin menemu bual encik berkaitan dengan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah dimana masjid ini telah dipulihara dibawah Jabatan Warisan Negara kan?
B	Haah.
A	Okey. Soalan pertama saya ermm bagaimanakah bermulanya sejarah pembinaan masjid Pangkalan Kakap ini?
B	Okey baik. Binaan sejarah dia Sejarah apa yang saya dapat daripada orang kampung. Cita dia macam ni. Pada kurun ke 18 atau ke 19 macam tu, pembinaannya dimulakan dan dirancang oleh Penghulu Hj Mat Saleh. Tukang kayu dikenali sebagai Tok Man Tukang. Itu abad ke 18 tu lah. Seni bina yang digunakan lebih kurang seni bina Nusantara dan difahamkan juga laluan daripada pembinaan tersebut menggunakan Sungai Merbok Kecil di

	<p>sebelahnya. Jadi dikatakan sejarahnya orang daripada sebelah Aceh datang ke situ berdagang dan lama-kelamaan di situ dibinakan masjid. Itu pada kurun ke 18 19 berkenaan dengan kawasan Merbok Kecil tu. Itu dikatakan orang luar yang datang ke situ bagi kawasan pengangkutan untuk singgah di kawasan tersebut. Kalau nak diceritakan lagi Sultan Abdul Hamid Halim Shah Sultan Kedah yang ke 25 dikatakan akan datang ke situ untuk sembahyang dan datang berehat di masjid tersebut kalau baginda ke selatan negeri Kedah pada masa tu. Okey itu saja.</p>
A	Okey tadi soalan 1. Ni soalan 2 pula adakah masjid ini dibina sewaktu Islam sedang berkehinggaan di Merbok Kedah?
B	Okey menjawab soalan tadi tu lah. Yang kurun ke 18 dengan laluan Sungai Merbok sebagai laluan utama pedagang Aceh tu lah.
A	Okey soalan 3 pula, Masjid Pangkalan Kakap ini sangat penting untuk melestarikan warisan. Sejauhmanakah pihak Jabatan Warisan Negara terlibat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ini?
B	Okey dari segi pemeliharaan dan pemuliharaan kita ambil dari 2 perkara. Yang pertama kita jalankan kerja konservasi di bangunan tersebut pada tahun 2016. Konservasi pertama dilakukan pada 1995 oleh Jabatan Antikuiti pada masa tersebut tapi setelah bangunan tersebut tidak digunakan keadaannya jadi semakin lama semakin rosak. Pada tahun 2016 kita jalankan semula kerja-kerja konservasi pada bangunan tersebut. Pada perkara yang kedua melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) kita berusaha untuk minta keizinan daripada kerajaan negeri untuk mewartakan masjid tersebut tapi hingga kini kita masih lagi tidak mendapat keizinan daripada pihak berkuasa negeri. Boleh dapat?

A	Ouh kiranya dalam proses la
B	Dalam proses tu banyak kali dah buat permohonan keizinan tapi masih lagi takdapat.
A	Okey faham. Soalan yang keempat sejauhmanakah aktiviti pengurusan warisan yang telah dilakukan oleh pihak Jabatan Warisan Negara?
B	Aktiviti yang pertama seperti yang saya cakap kerja memulihara iaitu konservasi dan yang kedua kita menjalankan kerja-kerja dari segi akta sekiranya telah diwartakan. Bagaimanapun ia tidak diwartakan pun lagi. Jadi tempoh pelaksanaan sangat sukar untuk diwartakan. Hal yang kedua kita selalu bekerjasama dengan pihak masjid. Sekiranya ada sebarang lawatan seperti pelajar yang berminat kita akan menghubungi pihak masjid sebab sebelum tu sebenarnya masjid tersebut sentiasa dibuka kepada orang ramai. Tetapi bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini masjid tersebut terpaksa ditutup semula.
A	Patutlah kalau saya lalu tengok tutup.
B	Haah sebelum tu dibuka kepada orang ramai. Dulu siap ada tabung apa semua pihak masjid buat. Tetapi bila ada perkara yang tak sepatutnya berlaku pihak Kariah masjid terpaksalah tutup masjid.
A	Ouh masjid ni sewaktu dibuka memang orang dok pi sembahyang ka atau buat tempat pelancongan macam tu?
B	Dia ada 2. Sebelum masjid baru tu dibaik pulih semula sebenarnya masjid lama tu lah Masjid Pangkalan Kakap buat sembahyang terawih pun disitu. Tapi bila masjid baru dah siap, mereka kembalilah ke masjid asal.dulu masjid tu jadi tumpuan orang jugak. Sejak masjid tu ditutup dah kurang tumpuan orang dah.
A	Kiranya masjid ni kalau macam Student ka apa yang nak mai melawat

	masjid ni. Kena contact pihak masjid lah baru depa buka. Macam tu?
B	Haah sepatutnya. Takpun hubungi kami, kami akan hubungi pihak masjid.
A	Okey faham faham.
B	Tu la sebelum ni sesiapa saja boleh masuk. Bila lama benda tu tak digunakan akan rosak jugak.
A	Hmm betul sebab terbiarkan.
B	Haah bila terbiar segala serangga rosak mula masuk balik mula buat aktiviti depa. Pastu itu lah kalau dah jadi macam tu kita pula khuatir penjagaan dia.
A	Okey. Saya teruskan dengan soalan yang kelima ya encik?
B	Okey.
A	Okey. Apakah pendekatan pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan terhadap bangunan warisan?
B	Menjalankan kerja-kerja konservasi . Yang pertama kita jalankan kerja konservasi pada masjid tersebut pada tahun 2016. Konservasi pertama dilakukan pada 1995 oleh Jabatan Antikuiti dan kali kedua pada tahun 2016. Untuk terus diajaga pihak JWN minta keizinan daripada kerajaan negeri untuk mewartakan masjid tersebut tapi hingga kini kita masih lagi tidak mendapat keizinan daripada pihak berkuasa negeri.
A	Soalan yang keenam. Bolehkan encik kongsikan pengalaman yang encik lalui dalam proses pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini?
B	Okey proses? Pada 2016 kerja-kerja konservasi saya tak terlibat tapi beberapa kegiatan seperti lawatan daripada pihak timbalan menteri MOTAC pada waktu tu memang saya pernah terlibat dan pihak kariah masjid bekerjasama. Dan beberapa aktiviti seperti Jejak Warisan yang pernah kita anjurkan pun kita bawa pelajar ke tapak warisan tersebut. Macam tu lah.
A	Okey saya teruskan dengan soalan nombor 7 ya encik. Adakah masyarakat setempat perlu terlibat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah?
B	Okey. Perkara ini sangatlah diperlukan. Terutamanya dari pihak kariah

	masjid itu sendiri. Sebab kita maklum kita serahkan balik masjid tersebut yang telah dipulihara kepada kariah masjid untuk terus dipelihara. Sebarang aktiviti-aktiviti yang dilakukan di kawasan tersebut memang mereka yang perlu bertanggungjawab sebenarnya pada masjid tersebut. Macam kami juga dari segi penjagaan nak masuk kawasan masjid tersebut minta izin daripada pihak masjid juga.
A	Soalan terakhir. Sekiranya masjid telah siap dipulihara, adalah masjid ini akan dibuka semula dan menjadi salah satu tempat tarikan pelancong?
B	Hahaha. Ini dah keseluruhan dah ni. Seperti saya cakap tadi Masjid ini telah dibuka pada mulanya dan kembali tutup atas sebab tertentu. Namun begitu, masjid ini boleh dibuka dan sekiranya ada permintaan untuk melawat. Seterusnya potensi nak dijadikan tempat pelancongan adalah ya. Masjid ini sering kali timbul dalam blogger, facebook dan sebagainya kalau dikaitkan dengan kawasan di Merbok. Ia juga boleh jadi ikon dalam pelancongan di kawasan Merbok dan pelancongan secara terkawal oleh pihak kariah masjid. Itu ja kita boleh buat setakat ni. Ada soalan lain?
A	Takde dah 8 soalan ja.
B	Cukup untuk menulis satu thesis? Hahaha
A	Hahaha insha allah saya try.
B	Okey okey.
A	Okey terima kasih encik. Minta maaf sebab menganggu masa.
B	Sama-sama takapa.

## INFORMAN 2

Tarikh Interview: 12 Disember 2021

Durasi Interview: 45 Minit

Lokasi: Google Meet

Nama	Encik Abbas bin Hj Othman
Umur	53 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Imam Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah.

A	Assalamualalikum ustaz sihat?
B	Waalaikumussalam alhamdulillah sihat. Oqang mana dok mana?
A	Oqang Sg Petani ja. Dok Ambangan Height.
B	Ouh Ambangan Height. Ingatkan dok KL ka apa ka.
A	Hahaha dak aih saya oqang sini ja.
B	Ambangan Height imam dia Hj Bakar lah.
A	Ha betul. Yang dok Zon Kenanga tu kan.
B	Ha betui.
A	Dia zon Kenanga. Saya Zon Mawar.
B	Ohhhhhh. Zon Mawar. Saya dok pi kerap 5 6 tahun lepas.
A	Ustaz dok mana?
B	Saya dok di Pangkalan Kakap. Ayah asal orang mana?
A	Ayah saya ka. Asal Perlis.
B	Ouhhh Perlis. Jiran saya ja la nih. Saya oqang langkawi. Saya lepas pencer KAGAT saya beli tanah di Pangkalan Kakap ni. Lepas tu berapa tahun tok imam dia meninggai. Tolak tu tolak ni. Kena juga.
A	Ouhh asalnya Langkawi. Kiranya ustaz baru mai lagi la dok Merbok sini.
B	Saya dok Merbok ada dalam 11 tahun.
A	Ouh lama dah la.
B	Nak mula macam mana ni. Selalunya depa dok mai depan-depan ja. Saya

	dok bawa masuk dalam masjid apa semua tu.
A	Ouhhhh. Mula tu saya temubual apa tuh Pengarah JWN Zon Utara. Pastu dia tanya mau dak temubual kariah masjid. Saya kata ha boleh gak. Sebab lagi oke kan saya boleh tambah lagi data kira kukuh sikit la data saya. Saya ambik nombor ustaz daripada dia la dari En Ardy.
B	Dari Jabatan Warisan ka?
A	Haah Jabatan Warisan Negara.
B	Kalau mai sini ada soqang lagi oqang tua. Oqang lama lah. Oqang panggil paklang sin. Dia boleh ceqita lagi la. Tapi dia pun tak berapa larat dah.
A	Saya ada la kawan dok kat Merbok. Tapi tak dekat sangat la dengan Pangkalan Kakap ni. Masa saya takdapat lagi nak contact JWN saya minta tolong dia la untuk dapatkan sapa-sapa ja la orang masjid yang duduk dekat tu. Dia tanya kawan dia, kawan dia pun taktau haha. Macam tu lah.
B	Ouhh ya ya.
A	Kita boleh teruskan ustaz.
B	Ya boleh.
A	Saya Nur Azmina Aiman bt Ahmad selaku pelajar semester 7 di institusi pengajian tinggi Universiti Malaysia Kelantan. Saya nak ucapkan ribuan terima kasih kat ustaz sebab sudi ditemubual dengan saya bagi memenuhi hajat saya untuk menyiapkan kajian kursus Projek Penyelidikan. Berdasarkan tugas yang saya dapat ni. Saya nak temubual ustaz mengenai pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan iaitu Masjid Pangkalan Kakap Merbok Kedah. Serta penglibatan komuniti terhadap masjid tu. So saya harap sesi temu bual ni ustaz dapat mengupaskan lagi dengan lebih detail berkaitan masjid ini. Sebelum tu ustaz boleh cerita sedikit latar

	belakang ustaz?
B	<p>Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Saya Abbas bin Hj Othman bersal dari Langkawi Kedah. Saya menetap di Pangkalan Kakap ni pada tahun 2011. Semasa saya bertugas sebagai guru agama tentera lagi dibeberapa negeri dan tempat akhir saya sebelum saya penceri iaitu di Kem 6 Briged sebagai guru agama angkatan tentera iaitu dikenali sebagai Kagat. Saya menjawat jawatan imam ni pada tahun 2016 apabila bertukar ic dari tentera kepada ic yang ni saya menjawat imam di Masjid Pangkalan Kakap ni. Cara bagaimana soalan yang Nur Azmina bagi ni persoalan ni. Bagaimanakah apa semua ni kan?</p>
A	<p>Haah betul ustaz. Tapi takpa ustaz. Saya bacakan soalan untuk 1 per 1. Boleh ka?</p>
B	Ya boleh.
A	<p>Soalan pertama yang saya nak tujkan kat ustaz bagaimanakah bermulanya sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap?</p>
B	<p>Sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap daripada orang tua-tua dan buku dia mengikut sejarahnya bermula daripada pedagang-pedagang Islam dahulu dan ada setengah menyatakan daripada hulubalang-hulubalang dahulu, daripada pejuang-pejuang dahulu yang mana daripada Tanjung Dawai ada aliran sungai yang luas yang mana pedagang-pedagang masuk berteduh di sini. Di situ lah dijadikan Masjid Pangkalan Kakap. Masjid ini dikatakan sering didatangi Sultan Kedah yang ke 25 iaitu Sultan Abdul Hamid. Berdasarkan daripada sejarah kunjungan Sultan Salahudin dan kerabat-kerabat Diraja Kedah datang ke sini. Pembinaan Masjid Lama Pangkalan Kakap bermula dengan pedagang-pedagang Islam Timur Tengah</p>

	daripada Arab, Yaman dan sebagainya. Tukang yang membina masjid tu bernama Tok Man dibawah senggaraan Penghulu pada waktu itu yang bernama Hj Mat Saleh.
A	Saya teruskan dengan soalan 2 adakah masjid ini dibina seakutu Islam sesang berkembang di merbok, Kedah.
B	Masjid ini dibina pada zaman kebangkitan Islam di Merbok. Dan apabila dikaji balik ianya sama waktu dengan kerajaan Uthmaniyyah yang sama naik dalam perkembangan Islam. Dikatakan juga lebih lama dari zaman Melaka dahulu.
A	Soalan 3 Masjid Pangkalan Kakap ini sangat penting untuk melestarikan warisan. Sejauhmanakah pihak JWN terlibat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ni ustaz?
B	Jabatan Warisan pertama kali pada tahun 1994 lakukan baik pulih dia. Kemudian pada tahun 2014 tak silap saya, saya masih ada lagi masa tu dan saya melihat proses pemuliharaan dia tu dengan tukar bumbung, mengecat lain dan apa semua dengan tidak menghilangkan benda asas yang lama tu. Jadi pada tahun 2014 diambil oleh Jabatan Warisan Negara, dan ada yang katakan JWN dah ambil 2 kali dah. Pertama tahun 1994 diambil oleh Jabatan Muzium Antikuiti. Kemudian JWN pada tahun 2000 dan 2014 tak silap saya. Yang saya pasti pada tahun 2014 diambil oleh JWN sendiri. Kos belanja baiki masjid itu hampir RM200, 000. Last sekali saya bubuh kipas, bubuh lampu untuk memudahkan pelancong-pelancong lah. Bumbung dia cari di Terengganu. 2014 dibaik pulih, 2017 saya pernah guna dalam masa 7 bulan setelah masjid baru iaitu Masjid Abd Rahman Pangkalan Kakap di baikpulih. Apa yang saya dengaq cerita dari orang tua-tua yang dah meninggal. Masjid Lama Pangkalan Kakap tersebut depa panggil Masjid Batu atau Masjid Lama Pangkalan Kakap.
A	Saya teruskan dengan soalan nombor 4. Sejauhmanakah aktiviti pengurusan

	warisan yang telah dilakukan oleh pihak JWN?
B	Ermmmm. JWN seringkali dok mai melawat dan tinjauan. Sejak Perintah Kawalan Pergerakan inilah menjadi kekangan untuk mereka hadir tengok masjid. Tetapi pihak JWN sering contact melalui telefon saya masalah yang dihadapi oleh masjid. Sekarang bumbung tu ada bocor balik pelelah nyiur jatuh atas bumbung masjid dan pecah sebab bumbung dia daripada tanah liat. Bukan zink atau atap genting.
A	Okey. Saya teruskan dengan soalan nombor 5. Apakah pendekatan pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan terhadap sesuatu bangunan warisan?
B	Saya bagi pihak masjid amat berharap JWN untuk buat semula segala kerosakan dan sentiasa di update balik. Buat masa sekarang kami hanya cuci, basuh, buang segala najis cicak, burung dan sebagainya. Sebab kami tak guna masjid tu akibat daripada pelelah nyiur jatuh atas bumbung dan pecah. Dulu saya dok guna masjid tu waktu zuhur dan asar. Saya bawa semua jemaah pi sembahyang di situ. 3 waktu di masjid baru dan 2 waktu di masjid Pangkalan Kakap. Template yang saya bai tu boleh membantu kot noh.
A	Haah boleh. Tapi yang tu yang bercetak. Macam thesis saya ni kaedah temu bual ustaz yang kena cakap. Saya lupa nak habaq haritu.
B	Ouhh yaka. Okey okey.
A	Saya teruskan dengan soalan 6. Bolehkah ustaz kongsikan pengalaman yang ustaz pernah lalui dalam proses pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ni.
B	Menaiktaraf masjid tu boleh saya katakan pada tahun 2014 ja lah. Saya tengok bagaimana kerja mereka lakukan. Mereka bawa turun bumbung kemudian mereka tukar kayu yang letak atap. Mereka buat kerja begitu teliti.

	<p>Setiap hari saya akan tengok mereka buat kerja ini sangat cekap atas kelolaan JWN. Pada masa itu saya bukan Imam lagi. Saya hanya sebagai AJK masjid sahaja pada ketika itu.</p>
A	<p>Soalan ketujuh adakah masyarakat setempat perlu terlibat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah?</p>
B	<p>Ya perlu. Masyarakat perlu berbangga dengan masjid ini kerana masjid lama ratusan tahun dijaga sehingga kini. Pada saya, aktiviti masjid dengan kunjungan dari orang luar atau anak tempatan perlu ambil perhatian supaya masjid ini terus dijaga.</p>
A	<p>Saya teruskan dengan soalan terakhir iaitu soalan kelapan. Sekiranya masjid ini telah siap dipulihara, adalah masjid ini akan dibuka semula dan menjadi salah satu tempat tarikan pelancong?</p>
B	<p>Ya. sekarang masjid ni kita dah buka dah. Kita hanya buka satu pintu sahaja untuk terima kunjungan orang-orang yang nak merasai sembahyang di dalam. Sebelum ni memang dah buka tapi masjid ni berlakunya bumbung bocor, kita tutup balik dan lepas ni kalau bumbung dah baik, insha allah kita akan mengimarahkan lagi masjid ni terutamanya waktu zuhur dan waktu asar. Kita akan guna balik wakaf daripada orang-orang terdahulu berjalan kembali.</p>
A	<p>Ustaz ada nak tambah apa-apa lagi ka?</p>
B	<p>Setakat ni yang ni ja la. Kalau nak ceqita lagi benda-benda lain yang luar dari tu banyak sejarah dia. Kawasan kubuq dia, kawasan masjid dia yang tak terungkap lagi. Tapi takpala yang tu ja la.</p>
A	<p>Okey. Ni sahaja soalan daripada saya. Saya nak ucap terima kasih banyak-banyak kat ustaz sebab tolong saya menjawab soalan kajian temubual ni.</p>
B	<p>Segala kekurangan tu saya minta maaf banyak-banyak.</p>

A	Eh takpa ustaz. Saya pun minta maaf sebab ganggu masa ustaz. Terima kasih ustaz.
B	Ya sama-sama. Assalamualaikum.
A	Waalaikumussalam.

### INFORMAN 3

Tarikh Interview: 14 Disember 2021

Durasi Interview: 23 Minit

Lokasi: Google Meet

Nama	Encik Sahrudin bin Mohamed Som
Umur	53 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Pensyarah Konservasi Universiti Malaysia Kelantan.

A	Assalamualaikum En Din.
B	Waalaikumussalam. Awak duduk area mana?
A	Sungai Petani.
B	Ohh dekat je lah. Kalau temubual setengah jam cukup kot.
A	Insha Allah boleh En Din. Kejap je temu bual ni.
B	Kalau dari sejarah saya tak berapa tahu sangat. Tapi kalau kaitan dengan pemeliharaan tu saya tahu lah.
A	Okey En Din. Saya perkenalkan diri saya dulu. Saya Nur Azmina Aiman binti Ahmad. Pemegang matrik C18A0274. Saya nak ucapkan terima kasih kat En Din sebab sudi ditemubual dalam saya punya PP ni. Boleh saya teruskan dengan soalan 1 saya?

B	Boleh boleh.
A	Soalan pertama saya bagaimanakah bermulanya sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap ini?
B	Berkenaan sejarah ini. Saya bukanlah bidang kajian sejarah, tetapi sebelum kerja-kerja conservation ni kita buat. Kita ada melihat apa yang orang lain telah kaji, sebagai maklumat yang sangat umum. Kalau ikutkan sejarahnya dikatakan masjid ni dibina pada kurun ke 18 oleh seorang tukang kayu yang dikenali sebagai Tok Man tukang dan ada seorang lagi yang terlibat yang mengelola dan membuat perancangan masjid ni iaitu Penghulu Hj Mat Salleh. Ini apa yang saya baca oleh pengkaji orang-orang terdahulu. Pada masa tu masjid ni di anggap pentinglah di kawasan Merbok, Tanjung Dawai, Lembah Bujang, Semeling, Bedong. Ia dulu dikatakan sebagai tempat persinggahan para pedagang Islam terutamanya daripada Aceh. Dan salah satu dikatakan kenapa ia penting sebab Sultan Abdul Hamid iaitu Sultan yang ke 25 dikatakan sering datang ke situ apabila baginda membuat lawatan ke daerah Kuala Muda. malah ada 1 tiang dalam masjid tersebut adalah tempat baginda suka untuk bersandar. Kalau baginda datang situ dia akan bersandar pada 1 tiang untuk berhati-sewaktu lawatan. Dalam tengah masjid tu ada 4 tiang. Masjid ni ada kaitan dengan sultan, pedagang. Kiranya masjid ni masjid yang tertua dan mempunyai nilai warisan yang tinggi.
A	Okey En Din. Saya teruskan dengan soalan nombor 2. adalah masjid ini dibina sewaktu Islam mula berkembang di Kedah?
B	Secara logiknya ia dibina setelah Islam berkembang di Merbok Kedah. Saya pun tidak tahu tarikh sebenarnya Islam berkembang disitu tapi pada abad ke 18 saya percaya Islam banyak berkembang di banyak kawasan Tanah Melayu pada masa tu.
A	Okey saya teruskan dengan soalan nombor 3. Masjid Pangkalan Kakap ini sangat penting untuk melestarikan warisan. Sejauhmanakah pihak JWN terlibat dalam pemulihraan dan pemeliharaan masjid ni?
B	Okey, eerr Saya sekarang bukan lagi dengan JWN tapi sewaktu saya terlibat

	dengan projek ni saya adalah staff di JWN. Seingat saya Masjid Pangkalan Kakap ni sewaktu kerja-kerja pemuliharaan ataupun konservasi pada fasa yang terakhir, waktu tu masjid tidak diwartakan pun lagi. Di negeri Kedah antara negeri yang bilangan tapak warisannya yang sangat sedikit yang diwartakan. Walaupun masjid Pangkalan Kakap ni masjid yang penting tapi sayangnya dia tidak diwartakan. Walaupun tidak diwartakan lagi, bukanlah JWN tidak megendah, sebab ia pun telah dimasukkan dalam eventri. Dalam eventri ni maksudnya dalam pemerhatian Jabatan untuk di angkat dan diwartakan cuma proses pewartaan tu memerlukan kelulusan dari pihak negeri dan perkara itulah menjadi penghalang kepada pewartaan. Namun begitu, banyak pihak yang bagi perhatian pada masjid ni. Saya teringat cerita asal kenapa kita pulihara masjid ni, sebab masjid ini pada waktu tu agak terbiar dimana bumbung bocor, berlubang. Namun begitu ada individu-individu yang rasa sayang pada masjid ni dan mereka cuba memelihara dengan cara mereka. Mereka nak buka genting digantikan dengan nepel back bahan kemasan yang lain supaya tak bocor. Tetapi maklumat-maklumat tersebut telah dikesan oleh JWN Zon Utara pada masa tu. JWN zon utara menghantar laporan kepada induk HQ beritahu tentang adanya usaha-usaha untuk memulihara tapi dengan cara yang tak betul. Ia menjadi tanggungjawab pihak jabatan juga membantu untuk pastikan khazanah ni selamat. Dari situlah kita dapat bajet atau peruntukan dana untuk kita buat kerja-kerja pemuliharaan. JWN pada asalnya, walaupun ia tidak diwartakan tetapi pihak jabatan masih mengambil kira kepentingan warisan kepada negara dan masyarakat.
A	Okey saya teruskan dengan soalan 4. Sejauhmanakah aktiviti pengurusan warisan yang telah dilakukan oleh pihak Jabatan Warisan Negara?
B	Pengurusan terhadap masjid ni lah ea. Seperti yang saya cakap tadi bila masjid ini tidak diwartakan pada dasarnya pihak jabatan tidak ada kuasa yang khusus atau tidak ada direct monitoring sebab benda tu tidak termasuk dalam tapak warisan. Namun begitu apa yang dilakukan oleh JWN mengikut kafahaman saya mereka sentiasa membentuk kerjasama dengan pihak berkuasa negeri. Maksudnya macam cuba memberikan kesedaran, sebab pengurusan is very general term, boleh dijadikan dalam bentuk yang

	<p>spesifik. Jabatan warisan sebab mereka tidak ada kuasa ke atas masjid itu, mereka tidak ada pengurusan yang direct ke atas masjid. Tetapi apa yang mereka lakukan adalah pemantauan. Mereka perlu tahu perkembangan apa yang berlaku ke atas masjid supaya mereka boleh memberi maklum balas atau nasihat kepada pihak berkuasa tadi.</p>
A	<p>Saya teruskan dengan soalan nombor 5 apakah pendekatan pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan terhadap sesuatu bangunan warisan?</p>
B	<p>Kita banyak menggunakan pendekatan pemberkualihan atau restoration. Kita cubakekalkan fungsi dia sebagai masjid. Kita cubakekalkan dan menjaga nilai keaslian dia dalam bentuk material dan juga bentuk seni binanya, kerja pertukangan. Jadi kami tengok dan menitikberatkan penggunaan bahan contohnya dari segi penggunaan genting bumbung. Genting bumbung menggunakan vetile dimana bumbung ini memang susah nak dapatkan sekarang. Demi menjaga keasliannya kita mencari dan beli daripada rumah-rumah lama yang menggunakan vetile dan pasangkan pada masjid pangkalan kakap. Plaster dinding tu biasanya menggunakan plaster kapur. Kita produces balik kegunaan lime plaster bagi menjaga keaslian masjid tersebut.</p>
A	<p>Okey faham. Saya teruskan dengan soalan nombor 6. Bolehkah En Din kongsikan pengalaman En Din pernah lalui dalam proses pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ni?</p>
B	<p>Okey. Pengalaman tu memang banyak. 1 adalah pengalaman yang saya rasa penting adalah kita memahami dari segi masalah yang dihadapi oleh masjid. Sebenarnya masjid itu dari segi strukturnya dalam keadaan yang kukuh lagi. Cuma dari segi kemasan contohnya genting bumbungnya pecah, ada kayu struktur bumbungnya patah reput, kemudian dindingnya banyak tahi atau najis binatang sebab dah terbiar lama tak digunakan. Dan masalah-masalah yang tidak kritikal sangat lah. Tapi kesan masjid tu adalah terbiar dan tak digunakan. Jadi bila mana kita nak buat kerja-kerja pemuliharaan, kita tidak boleh belanjakan duit semata-mata untuk pulihara supaya ia baik tetapi kita biarkan. Jadi apa yang kita pikir adalah pentingnya ada penggunaan selepas itu. Sebab itu strategi yang penting yang saya lakukan pada masa tu adalah kita bekerjasama dengan masyarakat setempat. Sebab terutamanya</p>

	<p>sebelahnya ada masjid yang baru yang lebih besar. Jadi kita nak mereka cuba juga memanfaatkan Masjid Pangkalan Kakap supaya tak terbiar. Jadi pada masa tu kita mengadakan mesyuarat. Mereka juga suka kita pelihara masjid tu sebab mereka pun dikatakan ada kesedaran masjid lama masjid bersejarah tetapi mereka tidak tahu apa yang mereka patut buat. Jadi pada masa tu persetujuannya adalah apabila masjid ini telah pun dipulihara. Kita cuba minta mengimarahkan, contohnya menggunakan masjid tu untuk kelas tertentu ataupun selang seli waktu solat berjemaah kalau tak ramai kita cadangkan guna ja Masjid Pangkalan Kakap, kalau ramai baru pakai masjid yang besar tu. di peringkat awal kita nampak mereka boleh lakukan, malah mereka kata selesa sebab masjid tu sejuk kat dalam sebab pakai lime, so ambience dalam tu memang selesa. Tetapi saya tak tahu keadaan dia sekarang. Saya nak kongsikan pengalaman saya conservation tak boleh nak syok sendiri lah, kita perlu ada kerjasama daripada orang lain supaya mereka juga perlu sama-sama menjaga. Conservation is not technical work tapi dia bersifat management maksudnya kita sapu-sapu, kemas-kemaskan, buang najis cicak, buat maintenance yang simple-simple pun is part conservation. Itulah pengalaman tak seberapa saya. Hahaha.</p>
A	Hahaha. Okey tu En Din ada juga pengalaman.
B	<p>Soalan seterusnya soalan apa ya. Ohh adakah masyarakat setempat perlu terlibat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ni. Hahaaha jawapan dia perlu. Ya masyarakat setempat perlu terlibat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini. Mereka boleh terlibat dalam beberapa segi. Mungkin dari segi teknikal kerja dan mungkin juga mereka terlibat secara tidak langsung tetapi yang paling penting untuk mereka terlibat adalah dari segi sebelum kerja-kerja conservation kena kenal pasti apa kepentingan bangunan tadi. So masyarakat setempat adalah pihak yang paling baik untuk kita merapatkan justifikasi mengapa bangunan tersebut penting untuk dipulihara. So yang keduanya adalah masyarakat setempat juga adalah sumber yang paling penting untuk kita faham masalah yang berlaku pada bangunan warisan. Apa punca dia, apa masalah dia, kenapa terbiar dan tak digunakan. Itu adalah maklumat-maklumat yang penting yang kita boleh dapatkan daripada masyarakat. Daripada situlah baru kita boleh buat kerja</p>

	teknikal. Dari segi teknikal kemungkinan masyarakat tidak terlibat secara terus sebab ia adalah kerja profesional. Tetapi satu lagi expect lagi adalah setelah kerja tadi siap. Bila kerja dah siap penglibatan masyarakat sangat penting kerana mereka adalah paling rapat dengan bangunan. Mereka adalah pengguna, pemilik, pemegang value bangunan tersebut. Jadi penglibatan mereka dari segi pengurusan setelah kerja-kerja pemuliharaan adalah sangat besar. Mereka mempunyai tanggungjawab yang besar kat situ.
A	Okey soalan yang terakhir. Sekiranya masjid ini telah siap dipulihara, adakah masjid ini akan menjadi salah satu tempat tarikan pelancong?
B	Projek ini telah disiap dan masjid ini telah pun dibuka dan telah pun digunakan. Berjaya menarik pelancong saya tak pasti tetapi banyak orang yang memberikan perhatian apabila ia disenaraikan dalam tapak-tapak warisan di Kedah. Untuk pelancong datang ke situ saya tak pasti sebab saya tiada data dari segi kunjungan pelancong. Lokasinya yang tidak jauh dari Lembah Bujang ia mempunyai potensi yang baik untuk pelancong datang ke situ. Cuma mereka perlukan sedikit bantuan dari segi maklumat seperti papan tanda yang baik, template. Dengan perkara itu boleh membantu untuk Masjid Pangkalan Kakap lebih banyak kunjungan pelancong. Bukannya siap conservation terus ramai pelancong. Namun kita perlu ada promosi dan hebahan.
A	En Din ada nak tambah apa-apa?
B	Saya rasa itu sahaja.
A	Terima kasih En Din tolong saya bagi maklumat aarr bahagian En Din. Banyak juga maklumat yang saya dapat.
B	Okey saya pun gembira dapat membantu. Mudah-mudahan awak punya PP ni berjaya lah ea.
A	Aaminn.
B	Assalamualaikum azmina.
A	Waalaikumussalam En Din.

**BORANG SOAL SELIDIK (GOOGLE FORM)**

Section 2 of 5

## BAHAGIAN A

Soalan berkaitan Demografi responden.

Jantina \*

Lelaki

Perempuan

Umur \*

20 tahun ke bawah

21-30 tahun

31-40 tahun

41-50 tahun

51 tahun dan ke atas

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



UNIVERSITI  

---

  
MALAYSIA  

---

  
KELANTAN

<b>Status *</b>
<input type="radio"/> Bujang
<input type="radio"/> Berkahwin
<input type="radio"/> Lain-lain
<b>Bangsa *</b>
<input type="radio"/> Melayu
<input type="radio"/> Cina
<input type="radio"/> India
<input type="radio"/> Lain-lain
<b>Tahap Pendidikan *</b>
<input type="radio"/> PMR/PT3
<input type="radio"/> SPM
<input type="radio"/> STPM/Diploma
<input type="radio"/> Ijazah
<b>Pekerjaan *</b>
<input type="radio"/> Kerajaan
<input type="radio"/> Swasta
<input type="radio"/> Tidak Bekerja
<input type="radio"/> Bekerja Sendiri
<input type="radio"/> Pelajar

Section 3 of 5

## BAHAGIAN B



Pengetahuan mengenai sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok Kedah.

1. Adakah anda tahu tentang sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap? \*

- Ya
- Tidak

2. Masjid Pangkalan Kakap terletak di daerah Merbok Kedah? \*

- Ya
- Tidak

3. Pembinaan masjid ini sewaktu Islam mula berkembang ? \*

- Ya
- Tidak

4. Adakah masjid ini pernah menjalani pemuliharaan ? \*

- Ya
- Tidak

5. Reka bentuk masjid ini kelihatan unik? \*

- Ya
- Tidak

6. Masjid ini merupakan salah satu masjid warisan di Malaysia? \*

Ya

Tidak

7. Masjid ini dibina pada sekitar tahun 1800? \*

Ya

Tidak

8. Adakah benar masjid ini terletak berhampiran dengan kaki Gunung Jerai dan Lembah Bujang? \*

Ya

Tidak

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAHAGIAN C

Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang baik adalah dengan mengurangkan perubahan pada struktur bangunan bagi menjaga keaslian bangunan tersebut



Tahap pengurusan yang lebih berkualiti adalah memantau proses menyelengara masjid tersebut



Penyelenggaraan yang berkala amat penting dalam memulihara warisan tersebut agar tidak terabai



Langkah-langkah pemuliharaan dan pemeliharaan dapat memberi kesedaran terhadap penduduk sekitar



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**BAHAGIAN D**

Tahap penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah.

Bahagian D mengandungi soalan berdasarkan skala likert 3 mata, mulai dari 1 - "tidak setuju", hingga 3 - "sangat setuju". Pilih satu jawapan setiap soalan. \*

Tidak Setuju (1)      Setuju (2)      Sangat Setuju (3)

Adakah pernah  
mengunjungi Masjid  
Pangkalan Kakap  
Merbok, Kedah?

<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
-----------------------	-----------------------	-----------------------

Anda pernah terlibat  
dalam pemuliharaan  
dan pemeliharaan  
Masjid Pangkalan  
Kakap seperti  
gotong-royong dan  
sebagainya

<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
-----------------------	-----------------------	-----------------------

Adakah anda tertarik  
sekiranya pihak  
kepentingan  
mengadakan aktiviti  
lawatan sambil  
belajar di Masjid  
Pangkalan Kakap  
Merbok, Kedah?

<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
-----------------------	-----------------------	-----------------------

NIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

Penduduk setempat perlu terlibat atau menyertai aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok, Kedah?	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Penyebaran maklumat aktiviti dan program melalui sosial media dapat membantu masyarakat dalam melibatkan diri dalam usaha pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ini	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ini memainkan peranan yang penting dalam memperkenalkan warisan ini kepada masyarakat	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Adakah faktor lokasi masjid yang berada di kawasan pendalaman menyebabkan ia tidak mendapat tarikan pelancongan	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

MALAYSIA  
KELANTAN

## SOALAN TEMU BUAL

1. Bagaimanakah bermulanya sejarah pembinaan Masjid Pangkalan Kakap ini?
2. Adakah masjid ini dibina sewaktu Islam sedang berkembang di Merbok Kedah?
3. Masjid Pangkalan Kakap ini sangat penting untuk melestarikan warisan. Sejauhmanakah pihak Jabatan Warisan Negara terlibat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan masjid ini ?
4. Sejauhmanakah aktiviti pengurusan warisan yang telah dilakukan oleh pihak Jabatan Warisan Negara?
5. Apakah pendekatan pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan terhadap sesuatu bangunan warisan?
6. Bolehkah encik kongsikan pengalaman yang encik pernah lalui dalam proses pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini?
7. Adakah masyarakat setempat perlu terlibat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Pangkalan Kakap Merbok Kedah?
8. Sekiranya masjid ini telah siap dipulihara, Adakah masjid ini akan dibuka semula dan menjadi salah satu tempat tarikan pelancong?